



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 915]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 937]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan)
[Ruangan 938]

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 949]

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 952]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat DATUK HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 28hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LORI-LORI KE BANDARAYA
KUALA LUMPUR**

1. Tuan T. S. Gabriel (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menarik balik larangan kepada lori-lori masuk ke kawasan Bandaraya Kuala Lumpur semasa waktu-waktu sesak dan sekiranya benar, samada Kementerian sedar bahawa kemasukan lori-lori tersebut akan menambah lagi kesesakan Lalulintas kerana jalan-jalan di Pusat Bandar ini amat sempit untuk menampung Lalulintas di waktu-waktu tersebut.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa kawalan Lalulintas dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dengan cara mengadakan sekatan-sekatan penggunaan jalan-jalan bagi kenderaan-kenderaan tertentu dan waktu-waktu yang ditetapkan adalah dibuat setelah menjalankan kajian yang teliti dengan kerjasama pihak Polis Dewan Bandaraya. Keputusan membuat sekatan seperti yang ada sekarang ini adalah puncak daripada percubaan dalam masa beberapa bulan dan dalam keadaan yang ada sekarang, Kerajaan Pusat dengan Dewan Bandaraya sedang melaksanakan projek-projek untuk mengatasi masalah Lalulintas di dalam kawasan Wilayah Persekutuan seperti me-

lebarkan jalan-jalan, membina "highway" jejambat-jejambat dan sebagainya, maka telah didapati sistem yang sedang berjalan pada hari ini adalah yang terbaik sekali. Walaupun desakan telah dibuat beberapa kali kepada Kementerian saya dan juga Dewan Bandaraya untuk meminda sistem sekarang ini atau melonggarkannya, tetapi saya berdukacita menyatakan bahawa demi kepentingan orang awam sistem ini hendaklah dikekalkan sehingga projek-projek seperti yang saya katakan tadi telah siap.

YURAN SEKOLAH

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan bahawa 60% penduduk kita terdiri daripada rakyat luar bandar yang pendapatan mereka terlalu kecil dan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur di Tenggara Asia, adakah beliau bercadang hendak mengadakan pelajaran percuma sehingga Tingkatan 5.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang pelajaran percuma itu ialah mengenai pemansuhan pembayaran yuran sekolah, maka sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum murid-murid di peringkat sekolah rendah dan di sekolah menengah kebangsaan telah tidak dikenakan bayaran yuran sekolah semenjak beberapa tahun yang lalu. Di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan pula pemansuhan pembayaran yuran sekolah telah bermula dari tahun ke setahun mengikut penukaran bahasa penghantar kepada Bahasa Malaysia.

Murid-murid di Tingkatan I telah mula tidak dikenakan membayar yuran sekolah mulai tahun 1976. Peringkat pemansuhan yuran sekolah ini ialah di Tingkatan III bagi tahun ini dan seterusnya di Tingkatan V bagi tahun 1980.

PERKHIDMATAN MAS

3. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan memberi penjelasan adakah Kementeriannya sedar tentang kepayahan ahli-ahli perniagaan dan jua lain-lain penumpang kapal terbang MAS bila hendak ke Kuala Lumpur terpaksa membuang masa untuk ke Bayan Lepas, Pulau Pinang terlebih dahulu, dan jika sedar keadaan demikian, adakah Kementerian ber-cadang untuk mengadakan penerbangan ekonomi dari Alor Setar-Pulau Pinang-Kuala Lumpur memandangkan kepada permintaan yang semakin bertambah dari penumpang-penumpang di Alor Setar, sebuah bandar yang sedang pesat membangun, dan jika tidak untuk kesegeraan, adakah Kementerian ber-cadang supaya pihak MAS mengadakan penerbangan murah terus menerus dari Alor Setar-Kuala Lumpur dan sebaliknya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, MAS telahpun menambah perkhidmatannya di antara Kuala Lumpur dengan Alor Setar semenjak 1hb April 1975 dan pada masa ini perkhidmatan tersebut ialah sekali tiap-tiap hari. Perkhidmatan tersebut adalah mencukupi memandangkan jumlah penumpang-penumpang yang menggunakannya. Adalah didapati bahawa penumpang-penumpang bagi perkhidmatan itu memadai dengan perkhidmatan yang disediakan sekarang, oleh itu adalah tidak ekonomi bagi MAS untuk menambah lagi perkhidmatan-perkhidmatan di antara Kuala Lumpur dengan Alor Setar itu.

Perkhidmatan waktu malam sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Alor Setar-Penang-Kuala Lumpur juga telah difikirkan tidak ekonomi. Pihak MAS sentiasa mengkaji perkara ini dari masa ke semasa untuk menentukan samada tambahan perkhidmatan perlu ataupun tidak memandangkan dari segi bertambahnya penumpang-penumpang.

PEKERJAAN MENGIKUT KOMPOSISI KAUM

4. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Perdana Menteri menyatakan samada sektor awam telah mematuhi dengan tegasnya arahan-arahan Kerajaan dalam mengambil pekerja-pekerja berasas kepada komposisi

kaum negara ini dan beri angka-angka kaum berhubung dengan bilangan-bilangan pekerjaan-pekerjaan itu.

Menteri Tak Berpottfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, mengikut Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab kaum dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu Pihak berkuasa Awam. Oleh yang demikian, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul.

KAJIAN TEMPOH PERTENGAHAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

5. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain (*di bawah S.O. 23 (2)*) bertanya kepada Perdana Menteri bilakah Kajian Tempoh Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga akan dibentangkan di Parlimen.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga sedang dijalankan dengan aktifnya oleh semua Kementerian di peringkat Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Awam. Satu surat pekeliling yang menyatakan garispuanduan-garispuanduan bagi Kajian Semula itu telah dibahagikan kepada agensi-agensi berkenaan. Kerajaan akan mengemukakan Kajian Semula kepada Parlimen sebaik sahaja ianya siap.

UNDANG-UNDANG BURUH

6. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian pernah mengulangkaji serta memperbaiki undang-undang buruh supaya kepentingan pekerja dan majikan akan dipelihara tanpa menjejaskan atau merosakkan kepentingan negara.

Tuan S. Subramanian: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Buruh kita telah pun meliputi dengan lengkapnya semua perkara-perkara bagi membuat peraturan perhubungan di antara majikan dan pekerja dan juga bagi melindungi faedah pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun, undang-undang ini sentiasa disemak oleh Kementerian Buruh

dan Tenaga Rakyat dan telah juga dipinda dari semasa ke semasa dengan secara berunding dengan pertubuhan-pertubuhan, majikan-majikan dan pekerja dengan tujuan untuk menjaga kepentingan majikan, pekerja dan juga kepentingan awam.

Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekarang sedang mengkaji semula dengan mendalamnya berbagai-bagai Undang-undang Buruh di dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (NJLAC), dan juga untuk menimbangkan pindaan-pindaan yang tertentu yang telah disyorkan oleh pihak-pihak majikan dan pekerja. Kerja-kerja ini masih belum disiapkan dengan sepenuhnya.

PENUMPANG-PENUMPANG KERETAPI MALAM

7. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu oleh kerana seringkali didapati penumpang-penumpang yang menaiki keretapi malam tidak dapat tempat tidur sama sekali sehingga mereka itu terpaksa berdiri ataupun tidur berkelempar disana sini dan oleh kerana kejadian ini sangat menjolok mata, khasnya kepada pelancung-pelancung, tidakkah Menteri Perhubungan bercadang supaya menghadkan penjualan tiket mengikut tempat tidur yang disediakan sahaja.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, keretapi mel malam membawa penumpang-penumpang Kelas I, II dan III (Delux, Eksekutif dan Ekonomi). Tempat-tempat duduk untuk Kelas I, II dan III disediakan tetapi tempat tidur hanya disediakan untuk penumpang-penumpang Kelas I dan II sahaja. Tidak ada tempat tidur untuk penumpang-penumpang Kelas III. Penumpang-penumpang Kelas I dan II yang memerlukan tempat tidur dikenakan bayaran tambahan. Menghadkan penjualan tiket mengikut jumlah tempat tidur tidak dapat dibuat kerana tempat-tempat duduk adalah disediakan di atas keretapi mel malam dan setengah penumpang hanya memerlukan tempat duduk sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar Keretapi dalam masaalah penjualan tiket ini. Adakah penjualan itu menurut tempat duduk ataupun hendak penuh keretapi itu sahaja?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kebiasaan yang dijalankan sehingga sekarang ini Keretapi menjual tiketnya tidaklah berpandukan kepada banyak tempat duduk.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaacob: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kementerian akan mengadakan satu sistem nombor tiket dengan nombor-nombor tempat duduk di semua kelas bagi kelegaan penumpang Keretapi bagi seluruh Malaysia?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini kita belum lagi fikirkan untuk menimbangkan sistem seperti itu.

ANGKATAN TENTERA LAUT, DARAT DAN UDARA

8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar selama ini Angkatan Tentera Diraja masih menggunakan alat-alat yang lama dan usang, apa langkah mengatasi supaya alat kelengkapan dan senjata yang moden dibekalkan dalam semua bidang semada Tentera Laut, Darat dan Udara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan masih ada alat-alat senjata yang digunakan oleh angkatan tentera yang sudah lama, tetapi bukanlah usang seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, jenis senjata yang lama ini kian berkurangan kerana Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji akan keperluan untuk memodenkan angkatan tentera kita selaras dengan perkembangan teknologi moden di dalam dan luar negeri dan mengikut kemampuan kewangan negara. Dalam hal ini Kementerian Pertahanan mengikut sistem pemberhentian berperingkat (*gradual phasing out*) senjata-senjata yang telah lama.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat angkatan tentera kita adalah di antara angkatan tentera yang mempunyai alat-alat senjata yang termoden di rantau Asia Tenggara ini.

Adalah sukar untuk membuat perubahan dengan sekali gus di dalam masa yang singkat kerana soal kewangan, masa dan lain faktor adalah perkara yang menjadi halangan. Walaupun begitu, angkatan tentera kita sedang menuju kaerah penggunaan senjata-senjata yang moden dan lengkap selaras dengan peredaran masa dan keperluannya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan bilakah targetnya bagi pasukan bersenjata kita akan mempunyai senjata moden seluruhnya, sebab kita mesti ada strategy samada setahun, dua tahun, 20 tahun atau 50 tahun lagikah? Jadi, saya hendak bertanya sekarang ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa lama lagi angkatan tentera kita akan mempunyai senjata yang moden dan lebih moden daripada negeri-negeri yang lain?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dalam bidang teknologi alat senjata tentera adalah begitu pesat dan cepat dan jikalau kita membeli sesuatu yang moden tahun ini, mungkin dalam tempoh dua tahun atau setahun perubahan dan pembaharuan akan berlaku ke atas sesuatu alat senjata itu. Ini sebagai contoh bagaimana pesat dan cepat pembaharuan tentang sesuatu alat. Jadi hendak mengatakan 100% semuanya moden adalah rumit kerana tidak terdapat 100% alat-alat senjata yang terjamin tidak akan menempuh perubahan dalam masa yang panjang. Jadi untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat sehingga keadaan dalam mana kita sendiri mempunyai kemampuan mencipta 100% alat senjata kita sendiri, maka susahlah kita hendak mencapai ataupun berniat untuk mengadakan kelengkapan yang 100% moden.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kita adalah di antara yang mempunyai angkatan tentera yang baik di Asia Tenggara. Tidakkah Kementerian ini berfikir bahawa senjata-senjata kita yang ada ini telahpun memadai, bahkan ada setengah negara seperti Burma senjatanya yang buruk pun digunakan. Bukankah lebih baik bahawa Kementerian ini mengekalkan sahaja senjata-senjata yang ada ini dan tidak perlu ditambah

lagi sebab kita bukan menghadapi peperangan. Adakah Kementerian mempunyai pendapat sedemikian?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi tidak semuanya senjata yang lama itu tidak sesuai ataupun tidak baik tetapi ada di antara senjata yang didapati masih boleh digunakan dan sesuai dengan jenis kegunaan ke atas senjata-senjata ini dan keadaan tugas yang dihadapi oleh angkatan tentera kita ada di antara senjata-senjata yang lama ini masih digunakan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menerangkan kalau dibandingkan dengan alat senjata yang digunakan oleh pasukan keselamatan kita dengan alat senjata yang digunakan oleh pegganas kominis dalam hutan, mana lebih moden? (*Ketawa*) Itu saya hendak tahu.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin Ahli Yang Berhormat itu tidak terlintas langsung agaknya apabila menimbulkan soalan ini iaitu pihak pegganas kominis di hutan itu mempunyai alat yang lebih moden daripada kita. Tetapi untuk mengesahkan kehuatiran beliau, biarlah saya nyatakan di sini bahawa senjata kita adalah lebih moden dan lebih sesuai daripada yang digunakan oleh pegganas kominis itu.

PAKAR-PAKAR PERUNDING LUAR

9. **Tuan Ali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah Kerajaan masih lagi mengambil pakar-pakar perunding luar negeri untuk membuat sesuatu kajian dalam rancangan-rancangan besar pembangunan di negara ini dan apakah sebab-sebabnya Kerajaan tidak mengambil pakar-pakar tempatan khususnya dalam negeri untuk tujuan tersebut:

- (a) adakah bayaran yang dikenakan oleh pakar-pakar luar negeri itu lebih murah-daripada pakar-pakar tempatan; atau
- (b) adakah Kerajaan belum lagi mengiktiraf kebolehan pakar-pakar tempatan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan pakar-pakar asing cuma apabila

telah dipastikan bahawa pakar-pakar dan teknologi tempatan tidak ada bagi Kerajaan menjalankan projek-projek dengan cepat dan berjaya. Walaupun perkhidmatan-perkhidmatan perunding tempatan telah berkembang dengan pantas di tahun-tahun kebelakangan, pakar-pakar Malaysia cuma terdapat dalam bidang-bidang tertentu seperti kejuruteraan. Dalam projek-projek pembangunan infrastruktur dan pembangunan wilayah, pendekatan pelbagai disiplin (multi-disciplinary approach) adalah diperlukan untuk melaksanakan kajian-kajian sosio-ekonomi dan kemungkinan dan menyediakan strategi-strategi pilihan, reka bentuk dan keadah-kaedah pembinaan yang menitik beratkan teknologi yang selaras dengan dasar-dasar pembangunan dan objektif-objektif Kerajaan. Dalam hal yang sedemikian, pakar-pakar perunding asing yang mempunyai hubungan-hubungan dan pengalaman antarabangsa akan berupaya menggunakan kepakaran dan tenaga professional yang diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan projek-projek dibanding dengan pakar-pakar perunding tempatan yang mana pengalaman-pengalaman mereka adalah terhad kepada negara ini sahaja.

Menyentuh mengenai soalan (a), kos bukanlah satu daripada kriteria yang utama dalam pemilihan pakar-pakar perunding. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biasanya kadar bayaran kepada perunding-perunding luar negeri adalah $1\frac{1}{2}$ atau 2 kali ganda daripada bayaran kepada perunding-perunding tempatan. Kadar bayaran ini adalah berbeza di antara perunding-perunding berdasarkan kepada tempat asal perunding-perunding yang terlibat. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak sanggup menanggung risiko lebih-lebih lagi bagi projek yang besar-besarnya daripada melantik sebarang pakar perunding tanpa menimbangkan keupayaannya.

Mengenai (b) pula, ingin di tegaskan di sini adalah menjadi dasar kerajaan untuk melantik perunding-perunding tempatan sebagai perunding utama. Oleh itu, tidaklah bererti bahawa pakar-pakar perunding asing selalu mendapat keutamaan. Sebaliknya, bila didapati kemahiran-kemahiran bagi sesuatu projek boleh didapati dari perunding-perunding tempatan, mereka akan diberi keutamaan. Dalam hal-hal yang demikian, Kerajaan juga telah menggalakkan dan

mensyaratkan supaya pakar-pakar perunding asing mengadakan usaha bersama dengan perunding-perunding tempatan. Oleh itu, tidaklah benar jika dikatakan bahawa Kerajaan tidak mengiktiraf kebolehan pakar-pakar perunding tempatan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dalam satu jamuan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memperakukan dalam ucapannya bahawa mustahaknya pakar perunding tempatan ditubuhkan ataupun diperbanyakkan lebih daripada pakar-pakar asing, oleh sebab kebolehan pakar-pakar perunding kita sudah boleh mengatasi pakar-pakar perunding asing? Jadi daripada ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengkaji daripada sedutan ucapan itu yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ucapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu telah dibuat dalam konteks tertentu. Akan tetapi, saya suka nyatakan di sini jika ucapan itu mencerminkan satu dasar yang baru itu memanglah Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah supaya dasar itu dilaksanakan secepat yang mungkin.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun kita ada mempunyai pakar perunding dalam bidang tertentu, tetapi ada kalanya apabila kita meminjam duit daripada luar atas satu-satu projek maka badan yang meminjam itu seperti Bank Dunia menentukan supaya kita mengguna pakar perunding luar. Dan dalam masalah itu apakah caranya bagi Kerajaan menyakinkan badan-badan semacam itu supaya kita tidak perlu menggunakan pakar perunding luar kerana kita mempunyai pakar perunding kita.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini adalah hasrat Kerajaan supaya dalam satu masa yang akan datang pakar-pakar perunding kita adalah mencukupi dalam semua bidang yang perlu. Buat masa sekarang ini seperti yang saya telah bayangkan dalam jawapan pokok saya tadi belum ada cukup pakar-pakar kita sendiri dan satu cara yang menentukan supaya pada satu masa akan datang kita

dapatkan cukup pakar-pakar kita sendiri, kitapun telah menggalakkan dan mensyaratkan supaya pakar-pakar perunding asing mengadakan usahabersama di mana-mana yang boleh dengan perunding-perunding tempatan. Dan dengan itulah diharapkan secepat mungkin kita mewujudkan satu keadaan di mana dapat melaksanakan satu transfer of technology, dan dengan cara itu pada masa akan datang kita akan mempunyai cukup pakar-pakar sendiri.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan bersetuju bahawa pakar-pakar perunding dari luar negeri seperti mana yang telah disoal oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi bahawa apabila sesuatu projek yang akan dilaksanakan melalui pinjaman luar negeri, maka diisyaratkan pakar perunding dari luar negeri dipakai oleh Kerajaan kita? Dan satu daripada contoh kegagalan ataupun kesulitan yang dihadapi oleh projek KADA di Kelantan yang mana hasil daripada pengesyoran-pengesyoran pakar perunding luar negeri, keadaan sekarang ini didapati bahawa sistem pengairan dengan sistem outlet memasukkan air dan mengeluarkan air tidak seimbang yang mana kalau berlaku sedikit hujan sahaja, keadaan di kawasan pengairan Kemubu sudah melemah dan menyebabkan outlet tidak cukup, padi-padi terendam lama dan menyebabkan keadaan padi itu hancur. Jadi sistem yang disyorkan dahulu tidak membuat outlet yang cukup bagi pengairan Kemubu. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan kelemahan ini berpunca dari pakar perunding dari luar negeri yang tidak begitu mengetahui iklim kawasan pengairan dan juga iklim hujan dan sebagainya di kawasan yang berkenaan itu, kerana mereka datang dari luar negeri? Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dan sedar dalam perkara ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya belum mempunyai perincian-perincian yang lebih lanjut lagi, saya tidak boleh cakap atau mengatakan samada keadaan itu adalah berpunca daripada pekerjaan ataupun pendapat pakar-pakar perunding luar negeri. Akan tetapi, perkara ini saya akan catitkan supaya saya dapat buat siasatan.

RADIO/TALIVISYEN/ JABATAN PENERANGAN— KEMUDAHAN

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada tidak salah dari segi undang-undang bagi Kerajaan menggunakan kemudahan-kemudahan sebaran am seperti radio, talivisyen dan Jabatan Penerangan untuk menyiarkan kegiatan-kegiatan-nya walhal sebenarnya ialah untuk tujuan membuat publisiti bagi parti politik tertentu, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Menteri Undang-undang (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan sebaran am seperti radio, talivisyen dan Jabatan Penerangan adalah digunakan oleh Kerajaan untuk menyiarkan kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan demi untuk memberi maklumat-maklumat penting kepada rakyat keseluruhannya dan demi menyangkal tuduhan-tuduhan palsu yang tidak tepat, yang tidak betul yang dibuat bukan sahaja oleh anasir-anasir yang tidak diingini bahkan juga oleh Parti-parti Pembangkang. Tidaklah benar kemudahan-kemudahan tersebut telah digunakan dengan tujuan membuat publisiti bagi parti politik tertentu. Tinggal lagi jika penyiaran-penyiaran itu secara langsung ataupun tidak langsung memberi gambaran dan imej yang baik terhadap parti siasah yang mendokong Kerajaan, maka ini adalah perkara coincidence atau cara kebetulan sahaja dan tidaklah ada alasan-alasan bahawa perbuatan itu salah di bawah undang-undang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyebut parti Pembangkang tadi, adakah Yang Berhormat Menteri dapat mengetahui di antara Parti Pembangkang yang selalu membuat maklumat palsu ialah parti PAS, adakah dapat diketahui?

Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Betul.

BRITISH PRIVY COUNCIL

11. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) di antara negara-negara Komanwel negara manakah yang masih merujuk rayuan-bicara (appeal) mahkamah-mahkamah kepada Majlis Privy British dan negara manakah pula yang telah menghentikannya;
- (b) bilakah Malaysia akan mengakhiri (merentikan) rayuan bicara ke Majlis Privy British di dalam guaman mal (civil)nya;
- (c) mengapakah Malaysia hanya merentikan rayuan-bicara ke Majlis Privy British di dalam guaman jenayah sahaja tetapi tidak di dalam guaman mal; dan
- (d) selepas Malaysia merdeka, berapa banyakkah kes-kes jenayah dan mal yang telah diangkat rayuan-bicaranya ke Majlis Privy British dan berapa pula antaranya yang telah ditolak atau diterima oleh Majlis Privy itu.

Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara negara-negara Komanwel yang masih membenarkan rayuan dibuat ke Privy Council ialah:
 - (i) New Zealand;
 - (ii) Australia;
 - (iii) Malaysia;
 - (iv) Singapura;
 - (v) West Indies;
 - (vi) Jamaica;
 - (vii) Bahamas Islands;
 - (viii) Trinidad dan Tobago; dan
 - (ix) Fiji.

Negara-negara Komanwel lain, seperti Canada dan India, telah tidak lagi membenarkan rayuan dibuat ke Privy Council.

- (b) Buat sementara waktu ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menghapuskan hak seseorang untuk membuat rayuan ke Privy Council dalam kes-kes sivil.
- (c) Kerajaan mempunyai penuh kepercayaan terhadap kebolehan dan kecekapan para hakim kita pada membicarakan

sesuatu kes guaman samada jenayah ataupun sivil. Setelah mengkaji perangkaan mengenai rayuan yang dibuat ke Privy Council dalam kes jenayah adalah didapati bahawa hanya sedikit sahaja keputusan seseorang hakim Malaysia itu diubah oleh Privy Council dan ini menunjukkan bahawa kecekapan hakim Malaysia tidaklah kurang jika dibandingkan dengan hakim-hakim Privy Council. Oleh itu, adalah difikirkan tidaklah lagi perlu bagi kes-kes jenayah dimajukan ke Privy Council untuk mendapat keputusan muktamad.

Mengenai kes sivil pula, Kerajaan sedar bahawa sesuatu kes yang penting adalah melibatkan sejumlah wang yang besar yang dipertikaikan dan pada lazimnya pihak-pihak yang terlibat adalah di antara seseorang awam dengan seseorang awam yang lain. Oleh yang demikian, Kerajaan terus memberi peluang kepada pihak-pihak yang terlibat supaya merayu kepada Mahkamah yang setinggi-tingginya bagi mendapatkan keputusan agar pihak-pihak pelabur, terutama sekali pelabur dari luar negeri, mempunyai kepercayaan penuh terhadap sistem keadilan yang diamalkan di negara kita Malaysia. Iklim ekonomi Malaysia tidak terjejas dengan sebab Kerajaan tidak menghapuskan sistem merayu ke Privy Council. Kerajaan perlu berhati-hati apabila bercadang untuk mengambil sesuatu tindakan. Kepercayaan penanam-penanam modal mengenai hak mereka untuk mendapatkan keadilan dari setinggi-tinggi badan keadilan perlu dipertimbangkan terlebih dahulu.

- (d) Semenjak Merdeka kes-kes yang dibawa ke Privy Council ialah:

Kes Jenayah—59 kes

Kes Sivil—204 kes

Keputusan Privy Council mengenai kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

Kes Jenayah—

- (i) Ditolak—48 kes
- (ii) Keputusan Mahkamah Federal diubah—5 kes
- (iii) Rayuan ditarik balik—3 kes
- (iv) Rayuan masih dalam pertimbangan—3 kes

Kes Sivil—

- (i) Ditolak—71 kes
- (ii) Keputusan Mahkamah Federal diubah—29 kes
- (iii) Kes ditarik balik—75 kes
- (iv) Rayuan masih dalam pertimbangan—29 kes.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang bahawa penghapusan rayuan kepada Privy Council ini kita patut timbang dan kaji dan dari segi Perlembagaan atas apa kuatkuasanya maka kita hendak bergantung lagi kepada Privy Council itu?

Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya rayuan kepada Privy Council itu berlandas kepada undang-undang yang ada pada kita undang-undang Judicature Act dalam mana sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi dalam perkara kes jenayah, sivil dan juga kes-kes melibati Perlembagaan. Kes melibati Perlembagaan tidak lagi dibawa kepada Privy Council, cuma kes sivil sahaja. Sebagaimana saya katakan tadi oleh kerana kes sivil ini melibati keadaan kewangan yang banyak dan melibati seorang awam dengan orang awam yang lain, maka kita berpendapat lebih baik kita teruskan kes sivil ini ke Privy Council. Samada kita mahu memutuskan rayuan ke Privy Council dalam kes jenayah belum lagi kita pertimbangkan.

IBU PEJABAT POS

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah kedudukan sekarang tentang pembinaan Ibu Pejabat Pos yang baru:

- (a) di mana tapak Ibu Pejabat itu akan dibina;
- (b) bila ia siap; dan
- (c) jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi bangunan itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ibu Pejabat Pos yang baru akan didirikan sebagai satu kompleks bersama-sama dengan Pejabat Besar Pos yang baru, dan akan ditempatkan di tengah-

tengah Bandaraya, iaitu di kawasan "North Goodsyrd", Jalan Sultan Hishamuddin.

- (b) Kerja-kerja perancangan detail mengenai kompleks baru ini sedang dilakukan sekarang. Kerja-kerja "piling" bagi projek ini dijangka akan dimulakan dalam bulan September, tahun ini dan kompleks tersebut dijangka siap pada pertengahan tahun 1981.
- (c) Anggaran perbelanjaan untuk bangunan ini ialah sebanyak \$25 juta.

KEDAI-KEDAI UBAT

13. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau membuat pemeriksaan mengejut ke atas kedai-kedai ubat di tiap-tiap Negeri dalam Malaysia dari masa ke semasa, memandangkan bahawa setengah-setengah kedai ubat menjual ubat-ubat palsu yang diperbuat daripada tepung ubi terutama ubat-ubat biji seperti panadol, aspirin, aspro dan ubat-ubat batuk dan lain-lain. Nyatakan berapa orang tuannya kedai ubat yang telah didakwa dan bilangan lesen yang telah ditarik balik.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut ke atas kedai-kedai ubat dari masa ke semasa di setiap negeri di bawah Ordinan Racun 1952, di mana pemilihan racun tanpa berlesen untuk jualan oleh kedai-kedai adalah satu kesalahan. Pendakwaan-pendakwaan bagi kes-kes kesalahan ini adalah dijalankan oleh pihak Polis.

Mengenai ubat-ubat tidak beracun seperti aspirin yang mungkin dicampur dengan bahan-bahan lain, pihak Kementerian ini telah beberapa ketika membantu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972, terhadap rencana perdagangan yang palsu. Pendakwaan bagi kes-kes ini dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

14. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk menyelaraskan tindakan-tindakan di berbagai Jabatan yang berkaitan dengan

projek-projek pembangunan. Kerapkali kerja-kerja ini bertindih dan berlapis hingga menyebabkan kelambatan berlaku dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bolehkah Perdana Menteri mengambil tindakan yang perlu untuk membetulkan kedudukan ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan, seperti yang dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga untuk memastikan supaya semua rancangan pembangunan dilaksanakan dengan licin. Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian supaya tidak ada pertindihan tugas berlaku di kalangan agensi-agensi pelaksanaan. Selaras dengan ini Kerajaan telah membentuk Majlis dan Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan di peringkat Persekutuan, Negeri dan daerah yang bertanggungjawab bagi menyelaraskan usaha-usaha pembangunan di peringkat masing-masing.

Untuk menentukan penyelarasan dan pelaksanaan di peringkat Persekutuan dan antara Jabatan-jabatan, Yunit Penyelarasan Pelaksanaan telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yunit ini bertanggungjawab kepada Majlis Tindakan Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri. Sebuah Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sentiasa mengadakan mesyuarat dengan agensi-agensi Kerajaan untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan penyelarasan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan. Peraturan yang sama juga dijalankan di peringkat negeri dan daerah di mana Jawatankuasa Tindakan Negeri dan daerah yang masing-masing dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri dan Pegawai-pegawai Daerah.

Berikutan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga banyak agensi-agensi baru di sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian telah ditubuhkan di mana fungsi untuk melibatkan secara langsung bagi menambahkan mutu dan daya pengeluaran di bidang-bidang tersebut di peringkat Persekutuan dan Negeri selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Akibatnya saiz perkhidmatan awam di samping peruntukan perbelanjaan telah meningkat dan oleh itu Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi memperbaiki keupayaan, pelaksanaan, peraturan-

peraturan pekerjaan dan penyelarasan antara-Kementerian (Inter-Ministries) untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan perkhidmatan awam dalam proses pembangunan. Dalam hubungan ini Yunit Pemodenan Tadbiran Tenaga Manusia ditubuhkan antara lain untuk menyelaraskan perancangan dan peramalan tenaga manusia di peringkat Makro.

Kerajaan juga sedang dan akan memajukan kecekapan dan penyelarasan agensi-agensi tersebut dengan menyatukan kegiatan-kegiatan mereka bagi mengelakkan pertindihan fungsi. Untuk tujuan inilah fungsi dan perjalanan agensi-agensi tersebut akan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan supaya ianya bergerak selaras dengan tujuan asal ditubuhkan.

Di samping itu penyelarasan pelaksanaan projek-projek pembangunan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sentiasa diambil perhatian melalui mesyuarat-mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan yang diadakan di peringkat Menteri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Kerajaan yakin tindakan yang diambil seperti yang dinyatakan itu dapat mengurangkan dan mengawal kemungkinan berlakunya pertindihan tugas dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

PERKHIDMATAN PEKERJAAN BAGI SRP/LCE

15. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bilangan penuntut SRP/LCE cicir:

- (a) yang telah mendaftar untuk pekerjaan di Jabatan Buruh Kementerian itu semenjak 1975 hingga sekarang;
- (b) yang telah mendapat pekerjaan; dan
- (c) yang masih menunggu pekerjaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1975 hingga sekarang, bilangan penuntut yang mempunyai SRP/LCE yang telah mendaftarkan diri kali yang pertama untuk pekerjaan

di Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di bawah Kementerian saya adalah seperti berikut:

Pada tahun 1975 ...	sebanyak 38,883 orang
Pada tahun 1976 ...	sebanyak 29,053 orang
Pada tahun 1977 ...	sebanyak 30,674 orang
Pada akhir Januari 1978 ...	sebanyak 4,288 orang

(b) Bilangan Pendaftaran yang mempunyai SRP/LCE yang telah mendapat pekerjaan dari tahun 1975 sehingga sekarang melalui Perkhidmatan ini ialah 20,491 orang. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Pada tahun 1975 ...	sebanyak 6,144 orang
Pada tahun 1976 ...	sebanyak 6,703 orang
Pada tahun 1977 ...	sebanyak 6,980 orang
Pada akhir Januari 1978 ...	sebanyak 664 orang

Jumlah ...	<u>20,491 orang</u>
------------	---------------------

(c) Bilangan Pendaftar yang mempunyai SRP/LCE yang masih menunggu pekerjaan sehingga akhir bulan Januari, 1978 ialah sebanyak 20,021 orang.

GERABAK (COACHES) BARU

16. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu oleh kerana kerap kali kedengaran yang pentadbiran keretapi hendak membeli gerabak (coaches) yang baru dari setahun ke setahun tetapi sehingga sekarang belum lagi kedengaran yang gerabak-gerabak (coaches) itu telah sampai di sini. Memandangkan bertambahnya penumpang-penumpang yang ingin menggunakan keretapi bolehkah Menteri Perhubungan beritahu bilakah agaknya gerabak-gerabak (coaches) yang dilaung-laungkan itu akan jadi kenyataan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan kerap kali kedengaran yang pentadbiran Keretapi hendak membeli gerabak (coaches) yang baru dari setahun ke setahun, tetapi sehingga sekarang belum lagi kedengaran yang gerabak-gerabak (coaches) itu telah sampai di sini kerana Keretapi Tanah Melayu telah menerima sebanyak 20 buah koc tanpa hawa dingin dalam bulan November 1976 dan 14 buah koc hawa dingin bulan Disember,

1976. Di samping itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, KTM akan memasang 30 buah koc sendiri di Bengkel Sentul. Hingga sekarang 7 buah sudah siap dibina dan digunakan. Bakinya akan dibina seperti berikut: 5 buah sebelum akhir tahun 1978, 9 buah dalam tahun 1979 dan 9 buah lagi dalam tahun 1980. Keretapi Tanah Melayu juga akan membeli 15 buah koc dari luar negeri dan tawarannya akan ditutup pada bulan Mei yang akan datang.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kemalangan keretapi ialah satu amalan biasa dan selepas kemalangan itu sesiapa pun tidak tahu keputusannya. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan di atas tiap-tiap kelemahan yang berlaku dalam Keretapi Tanah Melayu. Baru-baru ini pun semasa Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

PELAYARAN SELAT MELAKA/ SINGAPURA

17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- sejauh mana kuatkuasa undang-undang mengenai keselamatan pelayaran Selat Melaka dan Selat Singapura, antara Malaysia, Singapura dan Indonesia; dan
- Apakah puncanya Jepun minta tangguhkan rang undang-undang dan apa tawaran kemudahan yang diberikan oleh Jepun, adakah dapat diterima.

Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Skim Pemisahan Lalulintas atau "Traffic Separation Scheme" (TSS) bagi Selat Melaka dan Selat Singapura, yang telah disediakan oleh ketiga-tiga negara berpantai, iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura, telahpun diterima dengan sebulat suara oleh Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation (IMCO) di mesyuaratnya di London pada pertengahan bulan November, 1977. IMCO adalah agensi Bangsa-bangsa

Bersatu yang bertanggungjawab atas hal-hal lautan dan persetujuannya adalah penting supaya sebarang Skim Pemisahan Lalu-lintas dapat dipelaksanakan secara antarabangsa.

Walau bagaimanapun, sebelum Skim Pemisahan Lalu-lintas di Selat Melaka dan Selat Singapura boleh dilaksanakan, ketiga-tiga negara berpantai dikehendaki memasang beberapa bantuan pelayaran (navigational aids) utama di beberapa tempat yang tertentu. Perkara ini menimbulkan masalah perbelanjaan untuk bantuan-bantuan pelayaran tersebut. Ketiga-tiga negara berpantai kini sedang mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pengguna-pengguna kedua-dua Selat dengan tujuan untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi maksud tersebut. Setakat ini kita telah menghubungi Jepun, salah satu daripada pengguna-pengguna utama kedua-dua Selat, untuk bantuan kewangan dan teknikal dan pembalasan dari pihak Jepun adalah positif. Sewajarnya, kita juga akan menghubungi pengguna-pengguna kedua-dua Selat yang lain untuk meminta bantuan yang sama pada suatu masa yang sesuai.

Pada ketika ini, saya ingin menegaskan bahawa ketiga-tiga negara berpantai sedang berusaha penuh supaya Skim Pemisahan Lalu-lintas tersebut dapat dipelaksanakan dengan secepat mungkin. Perlaksanaan awal Skim tersebut akan mengurangkan kemalangan-kemalangan dan kecemaran minyak dan juga akan mengekalkan alam sekitar di kedua-dua Selat.

- (b) Saya harus menjelaskan bahawa pihak Jepun tidak memohon supaya Skim Pemisahan Lalu-lintas tersebut ditangguhkan. Mereka hanya memohon supaya beberapa kapal-kapal tanker besar mereka dikecualikan, untuk tempoh lebih kurang lima tahun, dari mematuhi kehendak untuk mengadakan "Under Keel Clearance" (UKC) 3.5 metre. Kehendak ini telahpun diterima oleh IMCO semasa Skim Pemisahan Lalu-lintas bagi Selat Melaka dan Selat Singapura telah diluluskan.

Adalah difahamkan bahawa permohonan tersebut adalah untuk membolehkan pihak Jepun menggantikan

mengikut peringkat ataupun "phase out" kapal-kapal tanker besar, dalam tempoh lebih kurang lima tahun, yang sekarang melalui kedua-dua Selat. Pihak Jepun telah memberi jaminan kepada kita bahawa dalam pembinaan kapal-kapal tanker di masa hadapan, mereka akan mematuhi keperluan untuk mengadakan UKC 3.5 metre. Berhubung dengan perkara ini, ketiga-tiga negara berpantai sedang memberi pertimbangan yang mendalam kepada permohonan Jepun tersebut dan satu keputusan muktamad di atas perkara ini belum lagi dibuat. Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Jepun, ingin saya nyatakan bahawa selama beberapa tahun, Jepun telah memberi bantuan dalam bentuk bantuan-bantuan pelayaran (navigational aids), teknikal dan lain-lainnya kepada ketiga-tiga negara berpantai. Bantuan ini telahpun diberi dan diterima dalam konteks memperbaiki lagi keselamatan pelayaran kedua-dua Selat. Sebagaimana telah saya nyatakan sebentar tadi, pihak Jepun telah memberi jawapan yang positif terhadap permintaan baru kita mengenai bantuan untuk memasang bantuan pelayaran (navigational aids) yang dikehendaki untuk melaksanakan Skim Pemisahan Lalu-lintas. Kita menghargai bantuan ini dan berharap negara-negara pengguna yang lain juga akan dengan sendirinya memberi bantuan seperti ini kepada negara-negara berpantai. Memperbaiki lagi pelayaran di kedua-dua Selat adalah sangat berfaedah terutamanya kepada negara-negara pengguna, di mana Jepun bukan sahaja pengguna yang tunggal.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:
Tuan Yang di-Pertua, apabila sempadan perairan lautan ini dilebarkan kepada 200 batu, Selat Melaka tidak lagi menjadi selat antarabangsa sebab daripada daratan Malaysia ke daratan Sumatera hanya boleh di-sampai oleh 4 jam sahaja motobot. Oleh demikian, Selat Melaka sudah menjadi selat kepunyaan bersama antara Malaysia dengan Indonesia. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal selat ini daripada dicero boh

bukan sahaja oleh lanun tetapi juga oleh pihak-pihak negara besar apabila berlaku peperangan.

Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jarak 200 batu itu rasa saya bukanlah sempadan perairan negara kita. Rasa saya jarak 12 batu adalah jarak dalam mana laut negara kita ini diakui. Jarak 200 batu itu cuma digunakan kepada jauh antara pantai dengan yang dikatakan Continental Shelf. Jadi dalam perkara ini sebagaimana saya katakan tadi skim yang diadakan yang telah dibincangkan, yang telah dipersetujui oleh Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation itu adalah dalam perbincangannya telah mengkaji perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya mengawasi kegunaan Selat Melaka akan tidak mewujudkan masalah-masalah kekotoran alam sekitar dan juga masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

3.22 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam

Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan 1978) dibaca bagi kali yang kedua.

Pada tahun 1971 manakala Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan dibincangkan oleh Parlimen, Menteri Kewangan adalah diberi kuasa meminjam wang sebanyak \$1,000 juta untuk maksud Akta itu. Sehingga akhir bulan Mac, 1978 sebanyak \$686,748,935.14 sen telah digunakan. Pada tahun ini sahaja, hitung-panjang sebanyak \$22,099,492.92 sen sebulan telah dibayarkan daripada Tabung Kumpulanwang ini. Ini bermakna had \$1,000 juta ini akan dicapai pada tahun 1979. Ini adalah dianggarkan berasaskan kepada banyaknya jumlah permohonan yang diterima setiap hari, tambahan kepada jumlah pinjaman yang diberi kepada seseorang pemohon yang layak selepas Sekim Gaji Kabinet dilaksanakan dan juga memandangkan kepada golongan baru iaitu angkatan tentera yang akan diberi pinjaman perumahan tidak lama lagi mengikut dasar Kerajaan dan mengikut Sekim Perkhidmatan Angkatan Tentera. Dengan sebab itu adalah dicadangkan supaya had \$1,000 juta itu ditarik balik dan Menteri Kewangan diberi budibicara supaya wang dalam tabung ini diisikan dengan pinjaman atau peruntukan dari Kumpulanwang Yang Disatukan dari masa ke semasa mengikut keperluan Tabung Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Dengan maksud ini Seksyen 3 mencadangkan menarik balik had \$1,000 juta itu.

Satu cadangan lagi ialah untuk membetulkan kepada ketinggalan kakitangan yang bertugas di Parlimen daripada menikmati kemudahan-kemudahan di bawah Akta ini.

Untuk memenuhi maksud ini cadangan Seksyen-kecil (iv) di bawah Seksyen 5 dalam Akta ini adalah dicadangkan.

Seksyen-kecil (iv) akan dikuatkuasakan mulai 3hb September, 1971 supaya pinjaman yang telah diluluskan kepada mereka yang di dalam perkhidmatan Parlimen adalah diliputi oleh Akta ini.

Satu lagi cadangan yang dibuat ialah untuk membolehkan Menteri Kewangan menggunakan budibicaranya untuk memberi pinjaman atau subsidi faedah dalam satu-satu kes yang berkehendakkan pertimbangan 'compassionate'. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui Seksyen 5 menyenaraikan mereka yang boleh mendapat pinjaman perumahan di bawah Akta ini. Adalah dicadangkan bahawa Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menimbangkan samada seseorang isteri atau suami kepada seseorang peminjam boleh diberi pinjaman berasaskan kepada syarat-syarat yang tertentu pinjaman perumahan oleh suami atau isterinya akan tetapi pemohon itu telah meninggal dunia dalam menjalankan urusan Kerajaan sebelum permohonan dibuat atau pun sebaik-baik sahaja permohonan dikemukakan. Ini akan memenuhi dua tujuan iaitu pertamanya, Kerajaan Persekutuan sebagai majikan yang baik bersedia memberi pertolongan kepada keluarga pegawai yang meninggal dunia di bidang-bidang di mana Kerajaan boleh memberi pertolongan; dan kedua, menunjukkan Kerajaan mengiktiraf kerja dan sumbangan pegawai atau pemohon yang berkecualan yang telah meninggal dunia sebelum permohonannya diluluskan atau sebelum mengemukakan permohonannya pada hal sebelum ia meninggal pegawai berkenaan sememangnya bercadang untuk mengambil pinjaman perumahan. Bagi maksud ini, Seksyen 5, Seksyen-kecil (v) adalah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masaalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulangwang Pinjaman Perumahan, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.29 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini kerana pindaan ini adalah menasabah. Yang kedua, kerana golongan yang telah ketinggalan itu telah dikutip semula setelah disiasat bahawa pihak yang berkenaan itu patut dimasukkan dan dibuat pindaan dalam Bill ini. Akan tetapi, pinjaman perumahan ini bagi dinikmati kepada seseorang apabila telah meninggal dunia yang mana dia bercadang hendak meminjam akan tetapi telah meninggal dunia, maka isterinya boleh melakukan pinjaman itu. Jadi ini satu langkah yang baik bagi menggalakkan kaki-tangan Kerajaan supaya mereka boleh membeli rumah.

Akan tetapi masalah penafsiran "menjalankan tugas Kerajaan" ini perlulah Kerajaan menimbangkan betul-betul, sebab definasi menjalankan tugas Kerajaan ini sangat luas. Jikalau sebenar-benarnya "menjalankan tugas Kerajaan" itu sahaja yang boleh dapat, tetapi pentafsiran sejauh mana dan setakat mana seseorang itu "menjalankan tugas Kerajaan" dan setakat mana yang tidak "menjalankan tugas Kerajaan" jika sekiranya sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi maka ada pihak yang kadangkala akan boleh jadi terlepas daripada mendapat pinjaman. Jadi, saya berharap kepada Kerajaan supaya istilah atau definasi "menjalankan tugas Kerajaan" ini haruslah dikaji dengan halus-nya.

Saya contohkan, seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara boleh mendapat insurannya jikalau dia menjalankan tugas Kerajaan, tetapi ada setengah daripada Ahli Dewan ini, walaupun dia masih Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara berlaku kema-langan yang tidak dikira dia sebagai menjalankan tugas Kerajaan dan perkara ini sudah berlaku yang saya fikir tidak patut saya sebutkan namanya. Ini adalah perkara yang besar yang saya mohon kepada Kerajaan perkataan "menjalankan tugas Kerajaan" ini satu cara pengelakan yang licin harus ditimbangkan kalau benar-benar Kerajaan berniat hendak membantu rakyat, membantu pekerjaannya dan membantu sebagainya maka nisbah istilah menjalankan tugas Kerajaan itu perlu dipinda supaya tiap-tiap pegawai Kerajaan yang suaminya bekerja dan meninggal dunia atau isterinya meninggal dunia

berhak dia boleh meminjam dengan kadar yang diluluskan oleh Undang-undang. Dengan yang demikian semua sekali rakyat atau pekerja kita boleh meminjam duit kerana membuat rumah. Tuan Yang di-Pertua, ini perkara besar, sebab apabila kehilangan tempat bergantung, apabila patah dahan tempat berpaut, maka Kerajaan sahajalah tempat gantungan mereka itu dan kalau sekiranya Kerajaan sendiri mempunyai dalihan maka di manakah tempat mereka ini akan menumpukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini termasuk ketenteraan dan lain-lain kakitangan ketenteraan. Kadang-kadang tentera itu sendiri dengan tidak disedari, dengan tidak sengaja dalam masa duduk-duduk boleh berlaku kemalangan menyebabkan kematian, terjatuh senjatanya yang menyebabkan senjatanya meletup mengenai tubuh anggota tentera itu sendiri dan menyebabkan kematian sedangkan mereka itu bukan menjalankan tugas Kerajaan. Jadi, definisi atas perkara ini patutlah difikirkan oleh Kerajaan supaya perkara yang kita aturkan—yang kita buat ini tidak menjadi begitu rumit kepada orang yang kemudian apabila Rang Undang-undang telah diluluskan.

Selain daripada itu, saya berasa sukacita bahawa kakitangan Parlimen pegawai-pegawai Parlimen telah dimasukkan balik di dalam perkiraan pinjaman wang Kerajaan yang sebelum itu tidak dimasukkan, jadi undang-undang sudah dibuat lima enam tahun dahulu maka baharu sekarang ada definisinya bahawa kakitangan Parlimen ini berhak membuat pinjaman. Kalau kelemahan seumpama ini dibetulkan lima tahun kebelakang atau empat tahun kebelakang, saya fikir ini satu kelemahan yang sengaja ataupun tidak sengaja dilakukan kerana memikirkan Parlimen ini satu badan yang lain daripada Kerajaan. Kita harap pada masa akan datang badan-badan yang termasuk dalam golongan "Closed Service" hendaklah diperingatkan oleh Kerajaan supaya tidak berlaku sebagaimana kakitangan Parlimen tertinggal tiga empat tahun.

Saya juga merayu kepada Kerajaan bahawa disebabkan oleh pinjaman pegawai Parlimen ini tidak banyak bilangannya, kalau ada pun agak saya tidak sampai 10 tangan, yang banyak ialah kakitangan rendah, saya berharap kepada Kerajaan supaya mencari satu jalan dan ikhtiar

supaya mereka juga boleh mendapat pinjaman kadar keupayaan mereka, kerana mereka tidak boleh bertukar ke lain-lain pejabat disebabkan pejabat Parlimen satu pejabat yang tertutup. Saya berharap pihak Kerajaan lebih-lebih lagi Jabatan Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan dapat berikhtiar membolehkan mereka itu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan lagi bilangan kewangan ini, saya dengan segala hormatnya mohon menyokong Bill ini.

3.35 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini.

Pada zahirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah membangkang kepada angka \$1,000 juta hendak dipinda, maknanya sekarang ini kita tidak menghadkan angka yang boleh diberi di bawah peruntukan undang-undang ini.

Saya percaya kita mengenakan angka dahulu supaya kita tahu berapakah jumlah wang yang boleh kita sediakan untuk dipinjam kepada orang-orang yang berhak meminjam di bawah undang-undang ini, dan orang-orang yang berhak membuat pinjaman ini telah ditetapkan di bawah Seksyen 5 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971, dan mereka ini mendapat pinjaman dengan bayaran bunga yang agak istimewa, lebih istimewa daripada rakyat biasa. Kalau kita membuka dengan seluas-luas sehinggakan tidak mempunyai had maka di manakah tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen untuk menentukan supaya duit rakyat dibelanjakan dengan betul.

Kenapa saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandangan daripada angka yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, angka-angka ini sudah sampai kalau tidak salah saya \$686 juta yang diberi kepada mereka yang berhak meminjamnya. Dari semasa ke semasa angka ini akan naik, sudah tentu naik, kalau kita memandangkan berapa ramainya mereka yang berhak di bawah undang-undang ini dan suka hendak meminjam untuk membuat rumah masing-masing. Saya rasa patutlah kita dari semasa ke semasa diberitahu kebenaran diminta kalau

hendak lebih daripada umpamanya \$2 ribu juta, kita katakan tetapi nampaknya di sini Kerajaan tidak berhajat hendak berbalik kepada Parlimen untuk melebihkan kuasa yang diberi kepadanya. Mungkin cara yang dibuatnya ialah mengikut pertambahan budget pada tiap-tiap tahun, mungkin itu caranya, tetapi bagi saya, ada baiknya kalau kita tentukan, kerana Kumpulanwang ini hanya boleh dinikmati oleh sebahagian masyarakat sahaja iaitu mereka yang bekerja dengan Kerajaan samada tentera, pegawai Kerajaan, pegawai Parlimen yang ada sekarang ini, saya rasa Menteri termasuk juga, tetapi saya tidak tahulah barangkali Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak termasuk. Tetapi orang ramai, yang masih banyak lagi orang-orang miskin, orang-orang yang berpendapatan rendah yang bekerja di dalam pihak swasta, mereka tidak berhak di bawah peruntukan Undang-undang ini. Kalau kita tengok dari setahun ke setahun angka ini makin bertambah besar.

Mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pada tahun ini sahaja pinjaman yang diperlukan ialah sebanyak \$22.9 juta, kalau tidak salah anggapan saya. Kalau kita bandingkan pinjaman yang dibuat oleh bank-bank swasta kepada orang ramai yang hendak membina rumah, kalau tidak salah saya daripada Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira Bank Negara Malaysia tahun 1977, Jadual 11 di bawah Haluan Berian Pinjaman Bank Perdagangan" di bawah "Perumahan" ialah sebanyak \$892.7 juta. Mereka yang mendapat pinjaman daripada bank-bank perdagangan ini terpaksa membayar dengan kadar yang agak tinggi, lebih tinggi daripada yang dapat dinikmati oleh pegawai-pegawai Kerajaan atau mereka yang berhak di bawah undang-undang ini. Rasa saya patut kita memikirkan semula dalam masalah ini.

Saya sedar Kerajaan ada rancangan dan telahpun dijalankan untuk membolehkan rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumahnya sendiri. Kerajaan telah menguntukkan lebih kurang \$400 juta, saya tidak ingat angka yang tepat yang mana punca kewangan itu datang daripada Bank Negara dan juga daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini mengenakan kadar bunga yang agak rendah juga, 5%. Tetapi kalau orang-orang biasa yang tidak berhak memiliki rumah murah di bawah peruntukan yang saya sebutkan tadi mereka terpaksa pergi kepada bank-bank perdagangan dan

mereka ini terpaksa membayar dengan kadar yang agak tinggi 9%, ada yang lebih daripada 9%. Rasa saya kita patut memikirkan semula samada patut kita ubahsuaikan pendirian kita terhadap masalah ini. Patutkah kita beri keistimewaan yang lebih sangat kepada pegawai-pegawai Kerajaan atau mereka yang berhak di bawah undang-undang ini dan mengenyepikan orang ramai yang lebih banyak lagi yang tidak termasuk di bawah peruntukan undang-undang ini. Kalau ada satu dasar yang agaknya menyeluruh yang mana bank perdagangan boleh diarah supaya pinjaman untuk membeli rumah dikenakan dengan kadar yang tertentu kadar-kadar yang munasabah, rasa saya tidaklah rakyat biasa akan merungut sangat. Tetapi kalau kita tidak berbuat demikian maka saya takut angka ini akan melebihi sangat dan mengakibatkan orang ramai yang tidak mendapat kemudahan di bawah Akta ini akan menuduh Kerajaan.

Saya sedar kita hendak mendapat perkhidmatan yang baik, kita hendak memberi kemudahan yang sempurna kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita supaya menggalakkan mereka bekerja dengan lebih tekun dan dedikasi. Tetapi jangan lupa duit ini datangnya daripada duit rakyat, datangnya juga daripada pinjaman dan berbagai punca yang masuk kepada Consolidated Fund. Itulah saya minta supaya Kerajaan memikirkan bagaimana jurang ini boleh diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini atas Seksyen 5, Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1971 yang Dewan yang mulia ini pinda pada tahun 1975. Saya suka menerangkan kategori-kategori orang-orang yang berhak di bawah Akta ini supaya jangan sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini salah sangka semuanya berhak. Mereka yang berhak, kalau boleh saya bacakan Fasal 5:

"5. Wang Kumpulanwang hendaklah digunakan dan adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud:

- (a) memberi pinjaman dan bantuan faedah atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang yang ianya adalah:
 - (i) seorang anggota perkhidmatan awam lain daripada perkhidmatan awam bagi sesuatu

- Negeri, yang disebutkan dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) seorang anggota pentadbiran sebagaimana ditakrifkan di dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Persekutuan atau Mahkamah Tinggi;
- untuk membolehkan atau membantu orang itu;
- (iv) membeli tanah samada dengan rumah kediaman atasnya atau tidak;
- (v) membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan masuk kepadanya;
- (vi) menyelesaikan kesemua atau sebahagian daripada hutang atau hutang-hutang yang dilakukan pada membeli dahulunya tanah samada dengan rumah kediaman atasnya atau tidak atau pada membina dahulunya rumah kediaman dan jalan sebagai jalan masuk kepadanya.
- (b) memberi pinjaman kepada badan-badan berkanun yang ditubuhkan menurut undang-undang persekutuan bagi maksud pinjaman perumahan kepada pekerja-pekerjanya. Ini badan-badan berkanunpun bernasib baik dapat di bawah peruntukan ini.
- (c) memberi pinjaman kepada Kerajaan sesuatu Negeri bagi maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi Negeri itu."

Setelah kita melihat peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1975 ini maka patut kita sedari bahawa lebih ramai lagi rakyat yang luar daripada kumpulan ini kebanyakannya lebih miskin yang sama memerlukan perhatian Kerajaan. Saya takut kalau jurang ini besar mungkin susah bagi kita hendak menjawab kepada rakyat yang besar golongannya itu. Di sinilah saya tegur tadi kenapa sungguhpun pada zahirnya agak kecil kita hapuskan sahaja peruntukan sebanyak \$1,000 juta tetapi implikasinya besar. Oleh sebab itu, berwaspadalah kita, bukan sahaja pihak Perbendaharaan tetapi kita sebagai Ahli-ahli Dewan bertanggungjawab juga kepada rakyat

terpaksa menyakinkan bahawa rakyat biasanya dapat perhatian kita. Itulah pandangan saya terhadap pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1975 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya terpaksa saya sokong.

3.50 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membuat ulasan yang pendek di dalam menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Menurut hemah saya bahawa Rang Undang-undang ini untuk membetulkan kelemahan-kelemahan dan kekurangan kepada Undang-undang ibu dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberi sokongan yang kuat atas cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin supaya Kementerian ini atau Kerajaan mengkaji semula berhubung dengan skim ini supaya dapat diluaskan kepada rakyat biasa. Ini satu perkara yang penting. Dengan keadaan ini bahawa pentadbiran negeri kita ini adalah berupa adil, tidaklah terhad kepada sesuatu sebagaimana dalam Fasal 5 ini. Dalam masa kita hendak memberikan peluang sehingga dapat kajian semula kelak kepada rakyat yang ada berkeupayaan dan ada mempunyai jaminan bilamana pinjaman wang ini diluluskan kepada mereka. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menambah baiklah rancangan ini dan dapat sambutan rakyat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kakitangan yang bertugas di Parlimen. Ini satu perkara yang sangat baik yang disedari oleh Kerajaan. Kalau masa dahulu Kerajaan terlupa mengenai kakitangan ini tetapi pada masa sekarang Kerajaan telah sedar. Saya cuma hendak mengutarakan satu perkara sahaja, kalau boleh bukan sahaja kakitangan yang bertugas di Parlimen ini, pertimbangkanlah apa kiranya dibuatkan satu kajian dan semakan, dibolehkan Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang berhak menerima persaraan supaya dapat menerima skim ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.52 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan dalam ucapan saya tadi, Rang Undang-undang ini meminta Dewan ini meluluskan dan meminda satu seksyen iaitu tidak hadkan \$1,000 juta yang pada masa lepas telah diletakkan di dalam Rang Undang-undang itu. Seperti saya bentangkan tadi oleh sebab pada masa ini wang pada akhir bulan Mac tahun 1978, wang pinjaman yang telah diberi kepada pihak-pihak yang berhak, yang berkelayakan untuk mendapat pinjaman perumahan ini telah sampai \$686 juta dan pada tahun ini sahaja hitung panjang sebanyak \$20 juta lebih sebulan telah dibayar daripada Tabung Kumpulanwang ini. Sebab itu had \$1,000 juta itu akan dicapai pada tahun 1979. Oleh sebab itu, Kementerian Kewangan meminta membuat pindaan itu supaya Menteri Kewangan boleh dalam skim ini diberi budi-bicara supaya wang dalam tabung ini diisikan dengan pinjaman atau peruntukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan tabung Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua orang ahli iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad dan Senator Kamarul Ariffin telah membangkitkan kekhawatiran iaitu wang yang diminta kepada tabung ini tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menerangkan sedikit sebanyak kedudukan tabung Pinjaman Perumahan yang sebenarnya. Tadi Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah sebutkan pihak-pihak yang berkelayakan untuk mendapat pinjaman itu dan tidak payahlah saya menyebutkannya semula. Mengikut angka-angka yang saya ada di sini jumlah permohonan yang dipohon pada akhir Februari tahun 1978 kita telah terima 33,413; permohonan yang diselesaikan—31,474 permohonan; yang belum selesai—1,940 kes. Pada masa yang sama sebanyak \$602,712,818 telah diberi bagi pinjaman perseorangan dan \$28,808,478 telah dipinjamkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan \$31,572,460 telah dipinjamkan kepada Badan-badan Berkanun. Dan mengikut perkhidmatan dalam Kerajaan Federal

dan Kerajaan Negeri dari jumlah permohonan yang diterima sehingga Februari tahun 1978 adalah didapati bahawa di antara 33,413 permohonan itu kalau kita bahagikan permohonan-permohonan ini mengikut perkhidmatan dalam Kerajaan, kita boleh dapat angka seperti berikut:

Kategori A—Perkhidmatan Am	11,339	permohonan (33.93%)
Kategori B—Guru	19,752	permohonan (59.11%)
Kategori C—Polis	1,747	permohonan (5.23%)
Kategori D—Keretapi Tanah Melayu	523	permohonan (1.57%)
Kategori E—Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parliman	52	permohonan (0.16%)

Dan jika kita bahagikan lagi permohonan pinjaman perumahan mengikut kumpulan, kita boleh dapat seperti berikut:

Kumpulan	Permohonan	Peratusan
Pengurusan dan Iktisas	2,372	7.10%
Kerja dan Separa Iktisas	9,644	28.86%
Perkerani dan Teknik ...	20,578	61.59%
Buruh Kasar ...	819	2.45%

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dicatitkan di dalam Rang Undang-undang ini pihak-pihak yang berhak untuk mendapatkan pinjaman ini sangat luas. Dari angka-angka yang saya sebutkan itu wang tersebut adalah dihadkan oleh Rang Undang-undang ini pada masa sekarang tidak mencukupi, khasnya sekarang Kerajaan telah memutuskan bagi pinjaman perumahan kepada anggota polis. Oleh sebab itu, Rang Undang-undang ini pada hari ini telahpun dibentangkan. Dan saya akan sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk mendapatkan wang yang difikirkan perlu untuk pinjaman perumahan ini walaupun yang dikatakan tadi oleh dua Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak terhad tetapi saya boleh menjamin di dalam Dewan ini bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan itu tidak akan disalah gunakan, dan Menteri Kewangan akan menggunakan budi-bicaranya untuk memutuskan kes-kes yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad ialah berhubung dengan

pinjaman perumahan untuk Ahli-ahli Parlimen, saya ingat perkara itu bolehlah ditimbang.

Itulah sahaja jawapan saya dan segala perkara yang itu yang saya tidak jawab saya akan ambil perhatian dan akan dipertimbangkan mengikut merit cadangan itu dan saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain, Senator Kamarul Ariffin dan Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersejutukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AKTA PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hum): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Mengikut fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan suatu Peruntukan Di Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Di Raja itu hendaklah dipertanggungkan

kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan fasal 35 (1) itu maka satu Ordinan Peruntukan Di Raja No. 70, Tahun 1957 (Civil Lists Ordinance No. 70, 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada Undang-undang itu telah beberapa kali dipinda dan peruntukan yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama itu pada masa ini adalah seperti berikut:

Kelas I ..	Peruntukan Di Raja ..	\$ 315,600.00
Kelas II ..	Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana	557,000.00
Kelas III ..	Perbelanjaan Istana	400,000.00
Kelas IV ..	Kurniaan Di Raja	20,000.00
	Jumlah ..	<u>\$1,292,600.00</u>

Berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Jadual Pertama yang diperlukan, sukalah saya menerangkannya seperti berikut:

(a) *Kelas II—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana.*

Tambahan sebanyak \$190,000 adalah dikehendaki untuk menemui kenaikan gaji dan elaun, dan caruman majikan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Dengan tambahan ini peruntukan Kelas II akan menjadi \$747,000 dan dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-76 iaitu tarikh pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

(b) *Kelas III—Perbelanjaan Istana*

Peruntukan Kelas III adalah untuk perbelanjaan sehari-hari bagi menemui kewajipan-kewajipan Istana. Tambahan peruntukan sebanyak \$44,000 adalah dikehendaki bermula daripada 1-1-77 bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan perkhidmatan, penyelenggaraan dan bekalan yang semakin bertambah. Dengan tambahan ini peruntukan Kelas III akan berjumlah \$444,000.

(c) *Kelas IV—Kurniaan Di Raja*

Perbelanjaan bagi Kelas IV ialah untuk pembayaran ampun kurnia. Peruntukan sekarang sebanyak \$20,000 setahun didapati tiada mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Tambahan sebanyak \$3,000 adalah diperlukan dan

ini akan menjadikan jumlah peruntukan Kelas IV berjumlah \$23,000 dan dikuatkuasakan mulai 1-1-77.

Ringkasnya tambahan-tambahan yang diminta bagi keseluruhannya adalah seperti berikut:

KELAS II	\$190,000.00
KELAS III	44,000.00
KELAS IV	3,000.00
JUMLAH	...		<u>\$237,000.00</u>

Pindaan kepada peruntukan-peruntukan ini seperti telah disebutkan di atas tadi hendaklah dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-76 bagi Kelas II mulai daripada 1-1-77 bagi Kelas III dan IV.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Di Raja (Pindaan) dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan kepada Akta Angkatan Tentera 1972 seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini diperlukan adalah kerana Akta Angkatan Tentera yang ada sekarang berkuatkuasa mulai dari 1hb Jun, 1976. Walhal sekim gaji, elaun dan gaji-gaji perkhidmatan baru Angkatan Tentera selepas ini disebut sebagai Sekim Gaji Baru Angkatan Tentera telah dipersetujui untuk dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1976. Untuk melaksanakan Sekim Gaji Baru Angkatan Tentera peraturan-peraturan yang sesuai perlu diadakan di bawah kuasa Akta Angkatan Tentera 1972. Oleh kerana Akta Angkatan Tentera adalah berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1976 maka jika tidak ada apa-apa perbekalan tambahan dimasukkan di dalam Akta tersebut, peraturan-peraturan yang diperlukan bagi melaksanakan Sekim Gaji Baru Angkatan Tentera ini tidak boleh dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976, kerana tarikh ini adalah kebelakangan dari tarikh kuatkuasa Akta itu iaitu Angkatan Tentera 1972.

Untuk mengatasi masalah undang-undang ini jelaslah seksyen-seksyen yang sesuai di dalam Akta Angkatan Tentera iaitu seksyen-seksyen yang memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera dan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan gaji, elaun, sekim perkhidmatan dan pencen anggota-anggota tentera iaitu seksyen-seksyen 157, 187 dan 206 perlu dibekalkan dengan proviso-proviso yang sesuai bagi membolehkan pihak berkenaan membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen-seksyen ini dengan kuatkuasa kebelakangan dari tarikh kuatkuasa Akta

Angkatan Tentera 1972 itu sendiri. Proviso-proviso tambahan yang diperlukan itu adalah seperti yang dicadangkan untuk diluluskan pada hari ini seperti di Fasal-fasal 2, 4 dan 5 Rang Undang-undang ini.

Selain dari memasukkan proviso-proviso tambahan kepada seksyen-seksyen yang disebutkan di atas dua buah seksyen yang lain adalah dipinda oleh Rang Undang-undang yang dikemukakan untuk diluluskan ini, iaitu seksyen-kecil (2) seksyen 217 dan seksyen 185.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-kecil (2) kepada seksyen 217 adalah bertujuan untuk membolehkan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen 217 Akta Angkatan Tentera untuk dikekalkan pemakaiannya sehingga peraturan-peraturan itu sendiri dimansuhkan. Kelonggaran ini adalah diperlukan supaya di dalam jangka masa yang diambil untuk membuat peraturan-peraturan baru di bawah Akta Angkatan Tentera 1972, peraturan yang sedia ada, yang telah dibuat di bawah enakmen, ordinan yang terdahulu, boleh terus digunakan. Pindaan kepada seksyen-kecil (2) kepada seksyen 217 adalah dibuat melalui Fasal 6 Rang Undang-undang ini.

Pindaan kepada seksyen 185 pula ialah bertujuan untuk membolehkan pihak Kerajaan memindahkan sebahagian dari wang pencen, ganjaran atau lain-lain bayaran tamat perkhidmatan yang layak diterima oleh seseorang anggota tentera itu kepada pihak Kerajaan Pusat atau Negeri sebagai cara memungut balik apa-apa hutang anggota berkenaan kepada Kerajaan Pusat atau Negeri yang masih belum dilangsaikan. Pindaan yang dicadangkan ini juga akan membolehkan pemindahan sebahagian dari pencen, ganjaran, atau lain-lain bayaran tamat perkhidmatan kepada bekas isteri atau anak-anak anggota yang berkenaan sebagai wang saraan hidup kepada bekas isteri atau anak yang berkenaan, jika diperintahkan oleh sesebuah mahkamah. Pindaan kepada seksyen 185 adalah dibuat melalui Fasal 3 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.19 ptg.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dengan kuatnya untuk diluluskan. Saya berharap kepada Kerajaan inilah pandangan-pandangan saya iaitu saya sebagai seorang bekas perajurit meminta kepada Kerajaan supaya bilangan pasukan Tentera Darat, Laut dan Udara kita ditambah lagi, khususnya Tentera Udara dan Laut. Begitu juga jentera-jenteranya tidaklah guna kita tambah bilangan sahaja, tetapi saya merayu supaya senjata-senjata moden mesti dibeli untuk askar-askar kita dan dibahagi-bahagikan pada mereka.

Pada masa ini Kerajaan kita mengikut polisi British, tetapi kali ini saya mintalah pada Kerajaan inilah rayuan saya, kalau dapat jangan kita ikut (follow) polisi British itu. Pada masa sekarang tiap-tiap seorang apabila dia masuk askar kalau 21 tahun dalam infanteri, 21 tahun itulah dia dalam infanteri, kalau dia bertugas dengan band dan drum 21 tahun itulah dia dalam band. Saya mencadangkan kepada Kerajaan, tidak ada lagi 5 tahun, tidak ada lagi 10 tahun, tidak ada lagi 12 tahun tetapi terus kepada 21 tahun, itu cadangan saya dan saya merayu kepada Kerajaan. Apabila tiap-tiap askar yang masuk terus 21 tahun ini dibahagikan 7 macam—3 tahun di dalam administration, 3 tahun di dalam infantry, 3 tahun dalam electrical and mechanical, 3 tahun dalam medical, 3 tahun dalam building section, 3 tahun dalam tugas-tugas lain seperti transport dan sebagainya kerana pada masa ini askar-askar yang tidak sampai 21 tahun itu, iaitu 5 tahun, 7 tahun 10 tahun umur mereka masih muda lagi dan menyusahkan Persatuan-persatuan Bekas Perajurit, samada di Selangor dan seterusnya di seluruh negara. Oleh kerana umur mereka masih muda lagi, dan terpaksa mencari kerja semula, terpaksa mereka datang kepada Persatuan-persatuan Bekas Perajurit. Di pejabat saya, boleh dikatakan tiap-tiap hari bekas-bekas perajurit datang mengadu kepada saya mengatakan mereka tidak ada kerja.

Itulah cadangan saya kepada Kerajaan iaitu teruskan 21 tahun. Apabila mereka sudah lulus 3 tahun dalam infantry, 3 tahun dalam medical, 3 tahun dalam electrical and mechanical tidak payah beliau bekerja lagi apabila pencen. Kalau dia hendak bekerja juga dia boleh bekerja, samada dia masuk dalam transport, dia sudah ada kelulusan, hendak masuk medical, sudah ada kelulusan, hendak masuk dalam band dia boleh pergi kerja di dance hall dan dapat gaji di sana. Itulah cadangan saya kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan gaji, tolonglah jangan ditangguhkan, askar-askar kita sampai bising, kalau saya hendak ceritakan apa telah terjadi kepada Perdana Menteri kita pada masa beliau datang dalam pertandingan Quran mereka bersorak-sorak, ini bukan sahaja memalukan Perdana Menteri, tetapi memalukan kita iaitu Kerajaan kita. Berkenaan gaji tentera sepatutnya mereka itu ditimbang dahulu, kerana tiap-tiap orang yang masuk askar ini, dia sain mati. Pada masa ini Kerajaan melambat-lambatkan gaji, semua askar-askar ini berjumpa kepada saya. Itulah cadangan saya kepada Kerajaan supaya ditukar, jangan kita follow British system, buat 21 tahun dan beri 7 macam.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

4.22 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera, 1972. Saya mengambil peluang untuk memberi ribuan terima kasih kepada Angkatan Tentera Bersenjata atas tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka dengan begitu susah berjuang kepada negara untuk mempertahankan negara daripada serangan musuh.

Perkara yang amat penting saya ingin membawa kepada Kementerian Pertahanan iaitu Malaysia ialah sebuah negeri yang sedang membangun. Dari segi pertahanan satu Angkatan Tentera yang kuat adalah amat penting. Daripada masa ke semasa kita sedang membeli senjata-senjata baru yang sophisticated, kita mesti maintain top secret information berkenaan dengan senjata-senjata ini.

Baru-baru ini rakyat tahu bagaimana seorang parti Pembangkang telah dapat terima

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tidak boleh disentuh dalam Dewan ini.

Tuan T. S. Gabriel: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya syorkan kepada Kerajaan untuk memakai terus pegawai-pegawai kanan tentera apabila bersara untuk menggunakan pengalaman dan pengetahuan mereka. Pada masa sekarang apabila mereka bersara, mereka terus hilang begitu sahaja. Saya cadangkan mereka dilantik ke dalam mana-mana badan-badan Kerajaan, maka Kerajaan dapat peluang untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman mereka. Saya cadangkan juga pegawai-pegawai kanan tentera dilantik sebagai Pesuruhjaya atau Duta Besar di luar negeri.

Kita memang ada seorang distinguished Senator di sini bernama Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin. Beliau menjadi bekas Ambassador di Thailand. Saya cadangkan Kerajaan lantik banyak lagi pegawai-pegawai tentera atau pegawai-pegawai angkatan bersenjata yang bersara. Selepas mencapai kemerdekaan kita memang ada 4 orang Ketua Turus Angkatan Bersenjata termasuk Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin. Kerajaan patut menggunakan pengalaman dan pengetahuan mereka.

Cadangan saya yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, kita cuma lantik Ketua Turus Angkatan Bersenjata daripada Ketua Tentera Darat pada masa sekarang. Jika kita bandingkan negara-negara luar seperti Indonesia, Thailand, Amerika Syarikat dan Britain, mereka tukar giliran daripada masa ke semasa. Ketua Turus Tentera Laut jadi Ketua Turus Angkatan Tentera dan begitu juga Ketua Turus Tentera Udara. Tetapi di sini Chief of the Armed Forces Staff dilantik daripada tentera darat sahaja. Jikalau sesuai dan pegawai itu cukup berkelayakan, cukup umurnya dan cukup kelayakan dari semua segi pertimbangan, saya cadangkan kita mesti lantik Ketua Turus Angkatan Tentera daripada ketiga-tiga Angkatan Bersenjata.

4.27 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Pada asasnya saya adalah menyokong pindaan ke atas Akta Angkatan Tentera, 1972 tetapi apa yang saya hendak bangkitkan pada hari ini satu

perkara sahaja, yang perkara ini kalau tidak saya sentuh boleh jadi perkara ini membawa kepada kesamaran.

Di bawah pindaan Fasal 3 mengatakan:

3. Seksyen 185 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut—

“(1) Pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian yang kena dibayar di bawah Akta ini tidak boleh dipindah-hak atau dipindah-milik kecuali bagi maksud menjelaskan—

- (a) hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada Kerajaan mana-mana Negeri; atau
- (b) perintah mana-mana mahkamah supaya membayar apa-apa jumlah wang bagi menanggung isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, samada sahtaraf atau tidak, bagi anggota yang kepadanya pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian itu telah dibayar.”

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini yang saya hendak sentuh sedikit. Dalam perkara (b) ini pencen ataupun ganjaran bekas tentera itu boleh dipindah atau dipindahmilik kepada isteri ataupun kepada bekas isteri ataupun kepada anak yang belum dewasa lagi. Di sini kepada orang-orang Islam hukumnya adalah berlainan dengan apa yang terkandung di dalam Undang-undang Mahkamah biasa. Misalnya, nafkah kepada anak-anak maka tidak dihadkan anak itu yang belum dewasa sahaja. Kalau sekiranya anak itu walaupun sudah dewasa tetapi dia uzur, umpamanya, dia berpenyakit, itu adalah menjadi tanggungjawab kepada bapanya menanggung dia. Kalau di dalam undang-undang ini kanak-kanak yang belum dewasa, maksudnya kalau sekiranya kanak-kanak itu sudah dewasa tidak wajib lagi dan pencen itu tidak boleh dipindahkan kepadanya, padahal menurut dalam ugama Islam boleh walaupun dia sudah dewasa asalkan dia itu uzur.

Yang kedua, berkenaan dengan isteri. Berkenaan dengan bekas isteri-isteri ini wajib banyaklah di dalam masa edahnya sahaja, lepas daripada edah tidak wajib. Ini berlawanan dengan mahkamah biasa yang memberitahu hukuman biasanya kalau sekiranya bekas isteri itu belum bersuami walau selama mana pun boleh menjadi tanggungjawab kepada bekas suaminya untuk me-

nantanggungnya. Ini sudah berlawanan dengan perjalanan Islam. Dengan sebab itu, saya fikir ada baiknya pihak Kementerian yang berkenaan ini, kalau sekiranya hendak membuat sedikit tambahan, seumpama di dalam Fasal 3 (b) ini dikaitkan sedikit. Umpamanya dikatakan:

“3 (b) perintah mana-mana mahkamah. .”
Jadi “perintah mana-mana mahkamah” ini kepada orang-orang yang bukan Islam. Kalau sekiranya pada orang Islam katakan begini: “perintah mana-mana mahkamah kepada orang-orang yang bukan Islam dan Mahkamah Syariah kepada orang-orang Islam”. Kalau sekiranya ditetapkan begitu, keputusan Mahkamah Syariah tidak lari daripada hukum syarak. Itulah kesamaran yang saya katakan itu. Kalau dikatakan mana-mana mahkamah termasuk Mahkamah Syariah, termasuk mahkamah biasa. Perkara ini boleh dibawa oleh bekas-bekas isteri dan juga anak-anaknya itu di dalam mahkamah biasa dan di dalam Mahkamah Syariah.

Dahulu di dalam Dewan ini saya telah mengingatkan perkara ini telah berlaku iaitu di dalam Undang-undang Mahkamah syariah yang ada sekarang ini ada tercatat mengatakkan perkara-perkara yang diberi kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah itu ada juga kuasanya diberi kepada hakim mahkamah biasa dan kalau sekiranya berlaku pertelingkahan di antara dua perkara ini maka keputusan Mahkamah Syariah itu diketepikan. Perkara itu ada dicatatkan. Saya bimbang perkara ini terlampau luas, kalau sekiranya bekas-bekas isteri tentera ataupun anak-anaknya itu memasukkan tuntutan di dalam mahkamah biasa, maka sudah tentu dia akan mendapat keputusan bukan mengikut hukum syarak tetapi menurut undang-undang dan kepada orang-orang Islam mereka tentulah tidak suka perkara yang seumpama ini kalau sekiranya keputusan itu berlawanan dengan hukum syarak. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya Seksyen 3 ini diamat-amati balik kalau boleh dipinda semula.

4.33 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Angkatan Tentera, 1972 ini. Hanya serba ringkas sahaja saya ingin perkatakan apabila mendengar sahabat-sahabat saya

Yang Berhormat bangkitkan beberapa masalah dengan mendesak supaya Kerajaan tegas di dalam hal ini. Saya sama juga dengan apa yang disarankan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob tadi di dalam masalah membayar gaji itu janganlah dilambat-lambatkan. Walaupun saya bukan bekas tentera, tetapi selalu berdamping dengan mereka, maka selalu terdengar resah-gelisah mereka. Untuk mengatasi resah-gelisah inilah saya berharap sungguh dapat disegerakan masalah gaji-gaji dan pencen-pencen ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak meletakkan penghargaan kepada mereka, maka kepada mereka inilah patut diletakkan penghargaan kerana pengorbanan-pengorbanan mereka bukan sekadar tenaga sahaja bahkan harta, nyawa sekalipun mereka sanggup mengorbankan demi bagi kepentingan dan keselamatan negara. Maka dengan itu, saya sokong meminda Akta ini dengan sepenuh minat.

4.35 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:
Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

4.55 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:
Tuan Yang di-Pertua, saya sangat ghairah dalam membahaskan Akta ini walaupun Akta ini bertujuan pindaan kepada Akta ibu Keanggotaan Tentera 1972. Maka saya mohon dengan izin, saya menyentuh dalam Bill ini dan mungkin saya sentuh sedikit sebanyak yang lain daripada Bill ini tetapi ada kaitannya dengan Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saudara saya katakan tadi dan sahabat saya itu telah mengucapkan tahniah kepada tentera ini atas usaha, tenaga dan khidmat mereka bagi mengamankan negara ini maka saya bersama-sama menjunjung tinggi dan tidak lupa atas

budi mereka itu daripada sekecil-kecil pangkat sehingga setinggi-tinggi pangkat. Dengan adanya mereka itu berkhidmat dengan taat setia yang tidak berbelah bagi, maka membolehkan negara kita dalam aman dengan keadaan yang ada pada hari ini, boleh kita pergi ke sana sini dengan hati yang lapang sekalipun negara kita pada masa akhir-akhir ini dalam keadaan yang tidak begitu sihat tetapi dikawali oleh mereka itu. Di samping itu juga saya mengucapkan tahniah kepada pegawai tinggi tentera yang bersara yang bukan sahaja mereka itu boleh mentadbirkan tentera tetapi mereka boleh mentadbirkan perkara-perkara lain. Banyak pegawai tinggi tentera yang bersara yang masuk dalam swasta dan sebagainya; mereka itu dipilih menjadi wakil mutlak negara kita di negara-negara sahabat menjadi Duta atau Duta Besar atau Pesuruhjaya ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai tinggi tentera itu mempunyai dedikasi dan kebolehan yang tidak kurang daripada pegawai-pegawai Tadbir yang lain di dalam negeri kita. Kita boleh berbangga juga bahawasanya mereka telah mempunyai bank iaitu Perwira Habib Bank sekarang ini ialah sebahagian daripada dayausaha tentera menubuhkan. Perkara yang kita mesti fikirkan sekarang ini, apabila seseorang tentera itu sudah bersara dan pencen, mereka cuma layak menjadi pemandu teksi, jaga dan lain-lain dan sebahagian besar daripada mereka itu ditempatkan di rancangan-rancangan tanah yang mana separuh daripada mereka mendapat pencen dan separuh daripada itu tidak mendapat pencen. Jadi inilah perkara yang patut ditimbang oleh Kerajaan dalam masa mengesahkan Bil ini supaya tenaga mereka itu difikirkan baik-baik dan seorang tentera sekarang ini cuma berkhidmat dua puluh satu tahun maka mereka barulah boleh dibersarakan. Tetapi melalui angka 18 tahun khidmat biasanya mereka gagal dan kegagalan ini menyebabkan mereka tidak boleh masuk dalam skim persaraan, skim yang mendapat pencen. Tidakkah pihak Kementerian Pertahanan berfikir ini satu helah atau satu jalan mengurangkan duit negara keluar kepada mereka, kalau saya sebut dengan lebih kasar barangkali satu cara menolak mereka daripada memenuhi khidmat mereka sampai kepada had persaraan.

Saya mencadangkan supaya tempoh perkhidmatan askar-askar ini tidak lagi 7 tahun tetapi mesti 12 tahun dan selepas 12 tahun mereka mestilah menempuh terus kepada had

persaraan. Kalau mereka ditolak dalam tempoh 12 tahun, latihan-latihan bagi menambah kewangan mereka perlu diperbuat, bukan sahaja pembukaan tanah, bahkan negeri Pahang sedia menerima mereka dan baru-baru ini 3,000 ekar lagi telah dicadangkan kepada bekas perajurit di satu tempat. Tetapi adakah kita masukkan mereka dalam pembangunan tanah sedangkan mereka mempunyai banyak pengalaman dan saya minta kepada Kerajaan supaya Persatuan Bekas Perajurit ini diberi satu tugas atau diberi satu peluang tanggungjawab atau Koperatif Tentera sendiri diberi tanggungjawab bagi membekalkan pakaian tentera itu sendiri, membekalkan makanan tentera itu sendiri dan pada hari ini kita dapat tahu beberapa orang lain yang sudah mempunyai wang yang banyak? Tidakkah peluang yang semacam ini sengaja Kementerian Pertahanan memberi kepada orang lain dan pihak tentera sendiri melalui koperatifnya, melalui banknya, melalui persatuannya patut ditimbang, maka berapa banyak lagi perkara yang menguntungkan mereka dapat dipertimbangkan. Hingga baru hari ini, Tuan Yang di-Pertua, pinjaman perumahan kepada tentera baru diluluskan tidak sampai satu jam kita luluskan di Dewan ini. Negara kita telah merdeka 20 tahun pegawai-pegawai lain sudah diberi nikmat 5-6 tahun dahulu. Perkara ini semua boleh mengecilkan hati murni mereka itu. Yang Berhormat Menteri patut mencari satu ikhtiar supaya bekas-bekas tentera ini tidak lagi menjadi pemandu teksi, menjadi watchman, jaga sekolah dan sebagainya. Saya faham bukan semua daripada bekas tentera ini mempunyai kebolehan yang tinggi tetapi apa salahnya latihan menjahit kasut, latihan membuat capal, latihan membetulkan kereta atau lain-lain kerja kecil yang boleh dibuat dengan modal yang kecil dan diberikan tempat dalam bandaraya dan bandar-bandar besar supaya mereka boleh berniaga. Bagi mereka berniaga sekarang ini di bawah gobok-gobok buruk dan Kementerian Pertahanan sepatutnya apabila lepas menyeberang jambatan janganlah tongkat dibuang.

Yang kedua, saya suka mengaitkan sedikit Bil ini iaitu kepada pindaan Seksyen 3 (b). Saya sedar segala pencen dan sebagainya boleh dibayar dengan kehendak mahkamah atau atas keputusan mahkamah, saya bersetuju. Akan tetapi, masalah perintah mana-mana mahkamah supaya membayar apa-apa

jumlah wang bagi menanggung isteri atau bekas isteri atau anak-anak yang belum dewasa samada sah taraf atau tidak bagi anggota yang kepadanya pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian itu telah dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun dahulu sudah berlaku satu perkara yang sangat menyayat hati dan satu kisah yang besar apabila seorang Leftenan Udara telah meninggal dunia yang tidak tahu bahawa dia apa ugamanya sedang isterinya mendakwa bahawa suaminya beragama Kristian sedangkan Leftenan Muda Udara itu hakikatnya ialah Islam. Pada masa hendak mengkebumikan jenazahnya, sudah menjadi satu pentafsiran dan pandangan yang kucar-kacir sekali samada dia seorang Kristian atau seorang Muslim. Sepatutnya Kementerian Pertahanan mengambil pengajaran dalam perkara ini dan perkara ini hendaklah mentakrifkan Islam, Kristian atau Hindu terletak dalam kategori perkhidmatannya sehingga satu perubahan yang dia itu terkeluar daripada Islam yang diketahui oleh Kementerian Pertahanan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seseorang suami atau anggota tentera itu meninggal dunia hanya meninggalkan seorang isteri tetapi kalau mengikut alaman ini maka isteri itu mempunyai hak ganjaran yang ada atau bayaran apa-apa yang ada kepada isteri itu. Dan mengikut Islam isteri itu tidak menghabiskan, ia cuma mengikut faraid, Islam membenarkan satu perlapan sahaja, yang lebihnya pergi kepada bapa. Kalau sekiranya masih diikuti kehendak Akta ini mahkamah akan menentukan bahawa si isteri mempunyai hak, maka hilanglah satu daripada perkara yang menyentuh dasar agama. Saya mohon perkara ini pihak Kerajaan mengkaji lebih lanjut. Saya bersetuju kalau sekiranya ia meninggalkan seorang isteri yang mempunyai anak apatah lagi anaknya lelaki tentulah ganjaran itu akan pergi kepada isterinya. Masalah ini timbul, perkara yang tidak disangka-sangka seorang tentera meninggalkan bapa dan ibu dan meninggalkan seorang isteri maka ganjaran itu kepada siapa hendak diberi. Tetapi mengikut rekod itu mesti beri kepada isteri sahkah dari segi Islam isteri itu mengambil semua sekali ganjaran itu sedangkan di negara kita Islam menjadi agama rasmi yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan yang mempunyai banyak ulama-ulama dan guru-guru

ugama di tiap-tiap batalion. Oleh sebab itu, saya mohon Kerajaan menimbangkan perkara ini supaya tidak berlaku kesilapan terutama tentang ganjaran dan yang kedua tentang kesahihan seseorang itu memeluk sesuatu ugama.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah setakat itu ucapan saya, walau bagaimanapun saya sokong Bil ini dan saya mengucapkan terima kasih.

5.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Angkatan Tentera yang ada di hadapan kita ini dan saya cuba bercakap dengan seberapa ringkas yang boleh dan saya akan tumpukan perbahasan saya atas pindaan ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya skim gaji baru angkatan tentera ini telah lebih awal kita bawakan ke Parlimen ini memandangkan betapa murni dan pentingnya khidmat angkatan tentera kita yang sentiasa mempertahankan kemerdekaan daripada ancaman dari luar dan dalam. Tetapi, alhamdulillah, bahawa kesedaran ini telah dapat diterima oleh Kementerian Pertahanan ini.

Sebagaimana kita sedia maklum banyak kakitangan Kerajaan yang lain telah menerima berbagai tingkatan (scale) gaji tetapi Angkatan Tentera ini saya rasa terkemudian. Dalam masalah skim gaji baru Angkatan Tentera ini saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini berikan apalah kiranya untuk pengetahuan Ahli-ahli Parlimen bagaimana kedudukan scale gaji daripada pegawai yang tertinggi pangkatnya hingga ke askar biasa sebab kalau rakyat umum tidak tahu, Ahli-ahli Dewan ini patut tahu kerana wang ini diambil daripada Perbendaharaan. Jadi selama di dalam kekaburan ini selama itulah bagi pihak kami Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini masih meragukan scale gaji yang diberikan dalam Rang Undang-undang ini. Adakah scale gaji ini sama dengan Angkatan Polis atau pangkat yang besar itu lebih besar gaji dia dapat, maka anggota biasa kita sentiasa dalam paras gaji yang rendah? Ini patut diketahui oleh Ahli-ahli Parlimen. Walaupun dalam masalah tentera kita tidak boleh

bahas, ada special Majlis Angkatan Tentera—memang betul, tetapi ini negeri demokrasi, bukan negeri diperintah oleh tentera. Jadi kami di Parlimen ini patut mengetahui perkara ini.

Lagi satu yang saya musykilkan dalam tanggagaji yang diberikan kepada Angkatan Tentera kita ini, adakah sama dengan tanggagaji yang diberikan kepada Angkatan Tentera wanita? Tuan Yang di-Pertua, bilabila saya sebut ini saya tidak bersetuju Kerajaan meluaskan Angkatan Tentera wanita ini sebab wanita ini banyak kelemahannya. Kalau musim aman, tidak mengapa, tetapi kalau musim menghadapi peperangan, ancaman musuh, kita khuatir pertahanan negara kita akan terjejas sebab sifat wanita dengan lelaki itu berlainan, Tuhan sudah bezakan. Kenapa hendak serahkan pertahanan negara kepada wanita? Kalau di satu ketika negara ini kena ancam, wanitawanita yang lemah semangat ini kena gertak sahaja dia sudah menggeletar.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya yang mencadangkan supaya askar wanita diadakan dan saya tidak menyebutkan untuk menyerahkan keselamatan negara kepada wanita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berbahas dengan orang Pahang ini tetapi memang sudah jadi kelaziman Pahang dengan Johor ini selalu bergaduh tetapi akhirnya dia bertemu. Masalahnya bukan sahaja atas syor Yang Berhormat itu Kementerian ini hendak mengadakan askar wanita, lebih awal lagi telah diadakan. Saya takut Kementerian ini membesarkan lagi Angkatan Tentera wanita, itu yang saya khuatir dan gajinya pula hendak disamakan dengan gaji lelaki. Apa yang saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Majlis Angkatan Tentera ini minta fatwa kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dari segi mana tentera wanita ini dibolehkan dalam tentera, sebab dengan keadaan ini dalam Islam tidak begitu menggalakkan orang perempuan menjadi tentera. Saya bukan ulama, tetapi ada hadis yang kurang senang Angkatan Tentera itu diberikan kepada wanita lebih-lebih lagi semalam Yang Berhormat kata Angkatan Tentera ini hendak diberikan dengan jawatan-jawatan yang tertentu. Lebih merbahaya kalau kita beri

wanita ini pangkat Jeneral, rosak negara kita sebab di bawah Jeneral itu ada pegawai-pegawai lelaki. Lelaki dengan perempuan kadang-kadang walaupun ketua besar dia, tetapi keadaan ini tentu tidak begitu sesuai demi pertahanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu pandangan yang saya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri ini supaya gaji antara askar-askar wanita ini dengan lelaki, adakah sama atau tidak dan saya mengharapkan bahawa pembesaran Angkatan Tentera wanita itu patut diberhentikan. Wanita tidak boleh memegang jawatan tinggi. Yang kedua, saya contohkan, bukan sahaja tentera yang dipegang oleh wanita tetapi mempertahankan diri pun kita suruh. Kita jangan hendak ambil wanita dengan sebab desakan, semangat dan ramainya tetapi kehancuran, tentera kita akan terjejas. Saya hendak contohkan, pentadbiran tiga buah negeri yang menggunakan Perdana Menteri wanita—sekarang habis. Ceylon, India, Israel—tidak ada lagi. Menjadi kelemahan orang perempuan. Dalam Islam pun ada, bahkan wanita itu ditentukan oleh Tuhan, dalam satu bulan 7 hari dia akan kena sakit dan dia tidak boleh jadi imam. Adakah ini satu penggalakan kepada wanita dalam tentera? Tambahan lagi saya hendak bertanya: di manakah belia-belua kita, tidak sanggupkah mempertahankan tanah air ini? Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keutuhan pasukan tentera kita akan dapat diperkuatkan dengan tidak membesar-besarkan tentera wanita.

Satu perkara lagi, Kerajaan kena mengkaji balik berhubung dengan kekuatan tentera kita sekarang. Adakah mencukupi atau tidak, kalau tidak cukup kita kena kaji balik, tambah askar kita sebab akhir-akhir ini ancaman kepada negeri kita ini bertambah samada dalam dan luar negeri. Kerajaan jangan sayang duit untuk hendak membiayai Angkatan Tentera dan jangan ada sekatan-sekatan daripada pihak Perbendaharaan dalam urusan-urusan yang hendak dijalankan oleh Angkatan Tentera. Kalau ada sekatan kelambatan ini akan menjejaskan juga tugas yang murni ini. Dengan sebab itu saya minta Kerajaan dalam memberikan gaji baru ini, askar kita juga perlu ditambah.

Selain daripada itu, dalam askar-askar yang ada kita hendak beri skim gaji baru ini hendaklah diperlengkapkan dengan penge-

tahuan yang mendalam. Beritahu kepada mereka siapa musuh negara dan untuk apa mereka memusuhi kita. Kita tahu bahawa musuh negara itu China Kominis, bukan itu musuhnya, orang Melayu pun, askar pun boleh juga menerima fahaman daripada musuh negara ini. Ini yang patut kita faham, kita awasi dengan mendalam supaya ter- selamat negara kita ini daripada ancaman luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya fikir patut diberikan perhatian oleh Kementerian ini berhubung dengan askar-askar kita yang menerima kemalangan waktu mereka menjalankan tugas. Sekarang kita telah berikan saguhati kepada balu-balu mereka dan juga kepada orang yang mendapat kemalangan. Yang Berhormat rakan sejawat saya, Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain walaupun beliau marah saya dan tunjuk dengan saya bahawa sekarang pemberian saguhati diberi sebanyak \$10,000. Tetapi pemberian \$10,000 itu tidak cukup; patut dikaji semula dan ditambahkan lagi kerana menilai nyawa yang terkorban, anggota yang telah cacat, tidak boleh menjalankan tugas dan ia akan tempang hidupnya dalam masyarakat.

Kita tidak boleh beri dia dengan nilai \$10,000. Kita kena tambah hingga \$20,000 sebab keadaan harga barang pada masa sekarang. Kalau balunya dapat \$20,000 dia boleh beli rumah atau beli tanah, untuk memulih kehidupannya yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berjanji, itulah sahaja, yang saya fikir mustahak saya cakapkan. Tadi Yang Berhormat Senator Puan Hajah Salmah binti Sheikh Hussein telah menyatakan bahawa satu perhatian patut diperhatikan dalam masalah pembayaran gaji pesara anggota tentera. Ini juga menjadi satu sungutan kepada mereka yang berhak mendapat persaraan samada balunya ataupun anggota-anggota tentera kita yang bersara yang mana selalu menghadapi kelewatan pembayaran dan selalu juga kelewatan menerima pencen persaraannya.

Perkara begini, patut kita ambil perhatian yang penuh. Ada satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita oleh sebab pihak angkatan tentera ini lambat memberi pencen persaraannya: Dia kata, "Kalau macam ini, Datuk, saya lebih baik bekerjasama dengan

komunis". Saya kata, "Awak bekas askar, tarik balik ayat itu". Tetapi apa boleh perkataan itu disebutnya kerana dia mempunyai 5 orang anak. Segala hasil persaraan, sagu hati, bonos yang hendak diterima itu memakan masa satu tahun padahal Jabatan Tentera adalah jabatan khas, bukan umum. Tidak bolehkah masalah ini diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh?

Kepada anak-anak dan isteri mereka yang berhimpun dan berbaris kerana hendak mengambil wang persaraan itu patut diminta kerjasama pihak Pejabat Pos supaya dapat diberikan keistimewaan, jangan mereka itu tunggu lama-lama. Dengan keadaan sekarang ini, saya fikir akan memberi satu penjelasan kepada hati dan jiwa askar-askar kita yang sedang berkhidmat di tanah air kita sekarang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya menyokong.

5.22 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian menyokong Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera 1972. Saya sangat-sangat bersimpati dengan perkhidmatan mereka dan saya rasa mereka ini patut sangatlah diberi keistimewaan kerana menegenangkan jasa-jasa mereka dan apabila mereka bertugas meninggalkan rumah untuk menghadapi musuh iaitu komunis belum tahu samada hidup atau mati.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai seorang ibu, turut berasa sedih apabila melihat mereka itu dengan hati yang begitu tabah meninggalkan rumah tangga, anak isteri, ibu dan bapa dengan hanya satu sahaja pandangan mereka ialah musuh iaitu komunis. Dengan itu rasa saya patut sangatlah Kerajaan mengambil berat di atas perkhidmatan mereka. Syukur, alhamdulillah, dengan adanya tentera-tentera ini maka negara kita telah dapat dikawal. Saya rasa Yang Berhormat Menteri berkenaan sahaja lah yang dapat membela untung nasib mereka sekalian. Dan saya juga ingin menyentuh apa yang telah dikatakan oleh Datuk Haji Ahmad bin Arshad dan saya menyokong dengan sepenuhnya apa yang disyorkan oleh Datuk Haji Abdul Razak.

Rasa saya sampailah masanya Kerajaan mengambil berat juga terhadap wanita supaya melatih wanita itu memegang senjata. Saya

bimbang kalau kita tidak melatih mereka, apabila tiba masa huru-hara nanti mereka ini tidak tahu memegang senjata, jadi apakah akan jadi kepada mereka sekalian? Tentu-lah akan menjadi mangsa. Dan juga pada suatu ketika nanti akan terjadi iaitu mengikut statistik yang dilaporkan dalam masa 20 tahun atau 50 tahun bilangan wanita lebih banyak daripada lelaki. Apakah akan jadi? Baru ketika itu kita hendak melatihnya? Saya rasa sudah terlambat. Dari sekarang kita patut melatih wanita-wanita ini untuk memegang senjata.

Tentang memegang jawatan yang tinggi, saya rasa memang tidak ada harapan bagi wanita. Sebab tidak diberi oleh kaum bapa. Saya sudah tahu (*Ketawa*). Tetapi saya menentang keras apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong penuh usul ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil berat terhadap mereka sekalian. Berkenaan pencen mengikut apa yang dikatakan oleh Senator Datuk Haji Ahmad Arshad supaya dipercepatkan, tetapi saya syorkan jangan gunakan perkataan "supaya dipercepatkan" tetapi "beri masa" iaitu lewat-lewatnya dalam tempoh tiga-bulan. Tiga bulan dan tidak lebih dari itu. Itulah sahaja harapan saya.

5.26 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini, saya harap saya mengerti apa yang saya hendak sokong (*Ketawa*).

Saya kata demikian kerana kita diminta untuk meluluskan Rang Undang-undang ini bagi membolehkan peruntukan yang telah dipersetujui dikebelakangkan tarikhnya. Nampaknya di sini Jawatankuasa Pegawai-pegawai mengenai gaji, had-had dan syarat-syarat perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia telah membuat laporan. Dan saya sendiri tidak tahu apa yang terkandung di dalam laporan itu seperti juga apa yang disarankan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad tadi. Jadi bagi kita hendak membela dan hendak memperjuangkan nasib anggota angkatan bersenjata kita, agak saya susah sedikit. Saya pun tidak tahu apa yang telah diluluskan itu samada adil atau tidak. Dan di sinilah rasa saya suka membuat syor kepada Kerajaan.

Jikalau ada perkara-perkara yang memerlukan kelulusan-kelulusan kedua-dua Dewan Parlimen, dokumen-dokumen yang berkaitan mestilah dihantar bersama supaya kita mengerti apa yang dimaksudkan.

Dulu kita membincangkan di Dewan ini riuh-rendah berkenaan dengan gaji yang hendak dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan, di situ disertakan dengan Laporan Kabinet dan berbagai-bagai laporan supaya kita mengerti. Tetapi di sini nampaknya kita tidak diberi laporan-laporan yang lengkap, angka-angka yang lengkap yang membolehkan kita membela nasib tentera-tentera kita. Jadi itulah sebabnya saya kata, saya harap saya mengerti apa yang saya sokong.

Saya percaya laporan yang dikemukakan itu ialah laporan yang adil yang boleh diterima oleh kesemua atau kalau tidak kesemuanya, sebilangan besar anggota angkatan bersenjata kita.

Banyak masalah-masalah yang timbul berkenaan dengan angkatan bersenjata kita dari segi bayaran kepada mereka, dari segi kemudahan yang dapat kepada mereka. Ini saya tidak dapat membuat analisa. Saya cuma boleh membuat pandangan kasar sahaja.

Sahabat-sahabat saya telah menimbulkan beberapa perkara tadi dan saya tidak bercadang hendak mengulangnya. Tetapi kalau kita tengok askar-askar kita yang terpaksa berkhidmat di merata-rata tempat dan berpindah dari satu kawasan kepada satu kawasan, persekolahan anak-anaknya tidak tentu arah, kadang-kadang rumah pun tidak ada. Jadi ini adalah perkara yang kita berdamping dengan rakyat memang terpaksa mengambil perhatian berat. Saya tidak tahu apa sebabnya kalau kita tidak boleh mengadakan atau kita beri keutamaan kepada anak-anak perajurit kita yang masih bersekolah, mereka mendapat keistimewaan duduk di asrama-asrama. Saya rasa mereka memanglah termasuk dalam golongan yang layak mendapat keistimewaan. Begitu juga dengan anak-anak pegawai-pegawai diplomat kita yang berkhidmat di luar negeri, kalau mereka hendak mendapat tempat duduk di asrama-asrama, mereka juga mendapat layanan istimewa. Perkara-perkara yang semacam ini yang saya tidak dapat hendak menyarankan dengan lebih panjang kerana saya tidak tahu apakah kandungan laporan itu samada ia adil, ia memadai mengikut kehendak-kehendak angkatan bersenjata kita. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua,

serupa juga dengan sahabat-sahabat saya yang lain, saya memang menyokong atas kelulusan Rang Undang-undang ini kerana ia membolehkan Akta Angkatan Tentera 1972 mengambil kira-kira berkenaan dengan laporan yang telah diterima oleh Kerajaan itu.

Sahabat-sahabat saya di Dewan ini telah pun mengatakan bahawa kita terpaksa mengkaji kedudukan angkatan bersenjata kita. Kita bukannya negara yang suka berperang itu bukan hasrat rakyat negara ini, tetapi kita terpaksa berjaga-jaga bila musuh hendak datang tidak dapat kita hendak tahu samada musuh daripada luar atau daripada dalam. Oleh yang demikian, terpaksa kita bersedia, alangkan negara yang menganggap ianya sebagai negara yang berkecuali seperti Switzerland sendiri mempunyai angkatan bersenjata dengan alat yang lengkap, baik di kalangan Tentera Udara ataupun Tentera Daratnya cuma dia tidak ada laut sahaja, jadi Tentera Laut tidak ada. Kita pun begitu juga, tetapi dalam kajian kita terpaksa kita meneliti bahawa angka itu tidak usahlah besar sangat tetapi efektif. Kita tidak mahu yang angkatan bersenjata kita ini dianggapkan sebagai Second Class Service, maknanya orang yang tidak dapat kerja masuk askar, kita tidak mahu begitu. Kita mahu anggapkan yang angkatan bersenjata kita ini setaraf dengan pekerjaan-pekerjaan lain, baik professional, baik pekerjaan Kerajaan atau apa juga; satu perkhidmatan yang disanjung tinggi. Ini bukan bermakna yang kita hendakkan pentadbiran kita dijalankan oleh tentera—tidak. Sungguhpun ada banyak contoh-contoh negara yang mana apabila dilihat yang pentadbiran awam tidak boleh berjalan maka terpaksa orang yang mempunyai pengalaman mengambil alih. Saya rasa di negara kita ini tidak begitu kerana sistem yang kita amali itu meletakkan yang angkatan bersenjata kita mempunyai tugas-tugas yang tertentu. Mereka dalam pertahanan menjadi barisan kedua, kerana untuk mengawali ketenteraman awam mereka yang utama yang mengendalikannya ialah pihak Polis dan jikalau pihak Polis tidak berjaya maka barulah mereka datang. Jadi itulah sebabnya saya balik kepada soalan pokok supaya angkatan bersenjata kita tidak perlu besar-besar, tetapi efektif dan perkhidmatannya tidaklah semesti berpuluh-puluh tahun.

Kita mungkin menimbang samada patut kita membesarkan reservist kita, mungkin mereka berkhidmat selama 4-6 tahun selepas

itu diserapkan kepada perkhidmatan awam, swasta atau dalam bidang apapun, tetapi mereka masih tertakluk kepada kerahan jakalau perlu. Ini patut ditimbang kerana kalau memandangkan kepada Belanjawan yang kita luluskan pada tiap-tiap tahun, Belanjawan dalam masalah angkatan bersenjata ini amatlah besar. Kita tahu berapa harga kereta peronda, kereta-kereta kebal, kapal-kapal laut, kapalterbang-kapalterbang pejuang, itu semua bukannya murah. Jadi kalau kita mempunyai standing army yang agak besar, agak saya teruklah bagi negara hendak membebankan, tetapi selagi ada ancaman kepada kita, perkara itu rasa saya tidak patut kita tolak ansur, tetapi patutlah kajian dibuat supaya askar biasa kita atau regulars kita yang boleh dianggapkan sebagai standing army itu tidaklah besar, tetapi mereka yang bersedia dalam tempoh sertamerta; reservist kita—itu biarlah besar. Ini ada baiknya.

Semasa perbahasan dalam usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, saya telah menyarankan patut kita mengkaji kedudukan Kerahan Negara (National Service). Peruntukan undang-undang sudahpun ada, tetapi kita tidak menggunakan dengan sepenuhnya. Mungkin kita tidak mahu yang kerahan ini diserapkan ke dalam bidang ketenteraan, mungkin ke bidang lain. Orang yang menjalankan National Service ini tidak semestinya semua pergi menjadi askar atau menjadi polis, mereka boleh dikhaskan ke bidang-bidang tertentu, tetapi apa yang pentingnya ialah mereka ini terlatih dan mempunyai disiplin yang telah disemaikan di dalam hati dan kepala mereka. Ini penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak berucap panjang daripada itu, cuma saya suka mengekori sedikit apa yang telah disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim tadi berkenaan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Saya rasa patutlah Fasal ini dikaji dengan teliti kerana kalau kita mengikut pengertian Fasal ini seksyen 185 (1) (B) maka apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi mungkin agaknya mereka itu dikecualikan iaitu jikalau dari hukum syarak agaknya susah bagi mahkamah hendak meluluskan. Sungguhpun di bawah Fasal 3 mahkamah cuma menyatakan sebagai manamana mahkamah, "perintah manamana mahkamah". Rasa saya sungguhpun "mana-

mana mahkamah" itu boleh dianggapkan sebagai termasuk kepada Mahkamah Syariah. Tetapi kalau kita baca dengan seterusnya maka anak-anak mereka yang sudah dewasa, tetapi agaknya cacat dan terpaksa dilindungi oleh ibu-bapa mereka, golongan itu nampaknya terkecuali. Saya haraplah supaya perkara ini dikaji semula oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kalau perlu kemukakan undang-undang kerana mungkin ramai angkatan bersenjata kita yang terlibat di bawah perkara ini terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam. Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokong.

5.40 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang meminda Akta Angkatan Tentera 1972. Hanya satu dua perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah memandangkan pembayaran kepada pesara sangatlah lambat sampai memakan masa yang begitu lama—dua tiga tahun pun ada.

Masalah kedua mengenai pembayaran pencen, berapakah bayaran yang selalu dibayar kepada pesara, iaitu kepada anak dan isteri kerana memandang kepada keadaan isteri dan anak-anak nampaknya sangatlah dhaif sehingga menyewa tempat tinggal pun boleh dikatakan seperti pondok-pondok sahaja. Ini menunjukkan bahawa pendapatan yang didapati daripada pihak yang berkenaan ataupun Kerajaan tidak begitu mencukupi sehinggakan saya rasa kenalah memandang kepada keadaan hari ini sebagaimana kalau kita katakan keadaan inflasi hari ini. Bayaran itu hendaklah memandang dari segi ini.

Satu lagi perkara saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya menyediakan rumah untuk anak-anak dan isteri Angkatan Tentera yang meninggal dunia kerana ini adalah satu perkara untuk menjamin kebahagiaan anak-anaknya di masa akan datang.

Satu perkara lagi yang saya rasa patut saya sentuh di sini ialah kepada pihak Kementerian ini saya mengesyorkan hendaklah mengadakan kilang-kilang peluru ataupun mengadakan alat-alat senjata yang ringan hendaklah dikeluarkan oleh negara kita sendiri, bukan sebagaimana hari ini kita terpaksa membeli dari negara-negara yang lain.

Oleh kerana tadi Ahli Yang Berhormat dari Johor telah menyentuh sedikit tentang wanita, maka saya rasa saya sendiri patutlah memberi sedikit jawapan. Saya ingin menyentuh di sini yang mana pihak Ahli Yang Berhormat memandang begitu lemah kepada kami kaum wanita dan nampaknya Ahli Yang Berhormat itu sangatlah lupa kepada asal-usul yang bermula adanya Ahli Yang Berhormat itu di dalam Dewan Negara ini.

Dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

5.43 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian mengenai teguran terhadap Angkatan Tentera amnya dan Rang Undang-undang ini khasnya.

Terlebih dahulu saya ingin menerangkan bahawa di sini sungguhpun ada teguran keterangan-keterangan tentang laporan yang telah diputuskan tetapi tidak dibentangkan

di sini, sememangnya ini bukannya menjadi tujuan asal sungguhpun ianya boleh membantu pengertian dan maksud Rang Undang-undang ini.

Sukacita saya maklumkan mengambil kesempatan di sini menerangkan dengan serba ringkas sebagai perbandingan tanggagaji lama dan yang baru sepertimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet untuk Angkatan-angkatan Tentera kita, cuma perbezaan-perbezaan yang lain seperti elaun dan sebagainya tidak dapat ditunjukkan di sini, memadai dengan tanggagaji sahaja. Perbezaan dengan tanggagaji baru dan yang lama ialah kalau dahulunya mengikut tanggagaji lama ada elaun-elaun kemahiran umpamanya diberi tetapi sekarang ini sudah dimansuhkan kerana mengikut penyusunan semula bagi anggota-anggota lain pangkat telah dipecah-pecahkan mengikut band dan di bawah band inilah juga menentukan kemahiran masing-masing.

Di bawah ini senarai tanggagaji lama dan baru bagi anggota-anggota Angkatan Tentera:

Jawatan	Gaji Dahulu			Gaji Sekarang		
	minima	maksima		minima	maksima	
Perebet (Private)	180	270	band 1	260	300
				band 2	280	380
				band 3	300	480
				band 4	320	500
				band 5	340	520
Las Koperal (Lance Corporal)	280	300	band 3	440	
				band 4		
				band 5		540
Koperal (Corporal)	310	350	band 3	490	
				band 5		670
Sarjan (Sergeant)	360	420	band 3	610	
				band 5		790
Setaf Sarjan (Staff Sergeant)	430	460	band 3	770	
				band 5		880
Pegawai Waran, Kelas II (Warrant-Officer II)	475	520	band 3	870	
				band 4		
				band 5		1,020
Pegawai Waran, Kelas I (Warrant-Officer I)	540	600	band 3	970	
				band 5		1,170
Leftenan Muda (Second-Lieutenant)	500	560		600	650
Leftenan (Lieutenant)	600	660		700	850

Jawatan	Gaji Dahulu		Gaji Sekarang	
	minima	maksima	minima	maksima
Kaptan (Captain)	700	900	900	1,425
Mejar (Major)	950	1,430	1,500	2,025
Leftenan Kolonel (Lieutenant Colonel)	1,450	1,700	2,125	2,525
Kolonel (Colonel)	1,750	2,000	2,625	2,745
Berigadier Jeneral (Brigadier General)	—	2,100	2,965	3,115
Mejar Jeneral (Major General)	—	2,400	3,215	3,365
Leftenan Jeneral (Lieutenant General)	—	2,850	3,465	3,615
Jeneral (General)	—	3,400	3,900	4,050
Ketua Turus Angkatan Tentera (Chief of Armed Forces)	—	3,750	4,400	4,600

Increment bagi tiap-tiap satu pangkat itu ada perbezaannya antara satu dengan lain. Ini cuma sebagai gambaran kepada Yang Berhormat Senator-senator sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah pembesaran dan peranan wanita dalam Angkatan Tentera nampaknya biarlah saya menyerahkan kepada Dewan ini untuk memutuskannya dahulu samada hendak membesarkan ataupun tidak kerana saya dapati Dewan ini sendiri pun ada mempunyai pendapat yang bercanggah. Walau bagaimanapun, adalah kepercayaan Kementerian Pertahanan bahawa ada jawatan-jawatan yang sesuai yang boleh dipikul dan malah mungkin boleh dipikul lebih baik lagi oleh wanita-wanita umpamanya dalam nursing corps dan sebagainya. Dalam lapangan ataupun bidang-bidang inilah langkah-langkah sedang diambil oleh Angkatan Tentera bagi membesarkan keanggotaan wanita dalam Angkatan Tentera.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah menyentuh tentang tempoh perkhidmatan dan kalau boleh supaya memberi peluang kepada tiap-tiap anggota melalui berbagai-bagai bidang tatkala seseorang itu masih memegang jawatan. Sungguhpun ini akan memberi peluang yang lebih banyak bidang kepada seseorang anggota itu kita tidak dapat menafikan

bahawa sedikit sebanyak ianya akan menjejaskan mutu kecekapan di dalam sesuatu bidang. Oleh sebab itu ia perlu dipertimbangkan sedalam-dalamnya sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

Yang Berhormat Senator-senator yang lain telah menyentuh tentang kelambatan pembayaran pencen. Saya percaya ini maksudnya pembayaran yang pertama selepas seseorang itu bersara. Ini tidak dapat kita nafikan adanya berlaku kelewatan seperti ini, tetapi masalah yang dihadapi oleh Kementerian ini ialah apabila proses untuk pembayaran itu memerlukan kelulusan daripada Jabatan-jabatan yang lain, amnya Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebagainya iaitu Jabatan-jabatan di luar kawalan Kementerian ini dalam mana penyemakan semua tentang hutang-piutang dan sebagainya perlu dibuat sebelum sesuatu pembayaran itu dapat dimulakan. Kadangkala terdapat pada bila-bila masa di antara 10 hingga 30 orang anggota-anggota yang patut telah dapat menerima pencen masih belum dapat menerima pencen mereka oleh sebab proses yang saya sebutkan tadi masih belum dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, angka dibandingkan pada keseluruhannya adalah kecil dan Kementerian berikhtiar supaya perkara-perkara ini dapat dicepatkan oleh Jabatan-jabatan yang lain yang luar

kawalan Kementerian ini untuk mempercepatkannya. Saya berharap kepada Yang Berhormat kalau ada berlaku perkara-perkara seperti ini, dengan adanya hubungan oleh Yang Berhormat pada Kementerian akan memudahkan usaha kita juga meminta Jabatan-jabatan yang lain berkenaan itu mempercepatkannya.

Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel telah menyentuh beberapa perkara, umpamanya, pembelian senjata-senjata baru dan merahsiakannya. Sememangnya mengikut peraturan kita, kita merahsiakannya tetapi tidak juga dapat dinafikan ada ketikanya kebocoran berlaku dan apabila berlakunya kebocoran seperti ini tindakan yang telah diperuntukkan akan diambil pada mereka yang berkenaan. Pihak Kementerian terutama sekali pihak tentera mempunyai susunan-susunan yang tertentu bagi menjamin bahawa kebocoran seperti ini dapat dielakkan, kalau tidak ianya dapat dikurangkan.

Tentang teguran bahawa Ketua Turus Angkatan Tentera sehingga ini adalah datangnya daripada Tentera Darat. Ini adalah suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan memandangkan sejarah perkembangan angkatan tentera kita sendiri dalam mana Tentera Laut dan Tentera Udara adalah merupakan dua perkhidmatan yang baru dan oleh kerana itu sudah pasti terdapat pegawai-pegawai yang begitu kanan yang boleh menyandang jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera ini datangnya daripada suatu perkhidmatan yang agak tertua di kalangan tiga ini iaitu perkhidmatan Tentera Darat. Sehingga keadaan dalam mana Tentera Laut dan Tentera Udara kita telah mempunyai perkembangan dan kemajuannya sendiri dalam mana kekananan pegawai-pegawai dalam Tentera Laut dan Tentera Udara adalah serupa dengan mereka yang terdapat dalam Angkatan Tentera Darat, keadaan ini akan berlanjutan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim dan juga beberapa Senator yang lain termasuk Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dan Senator Datuk Haji Abdul Razak Haji Husain telah menyentuh tentang tafsiran dari segi Undang-undang Islam, saya ingin tegaskan di sini bahawa dalam Fasal 3 (b) "mana-mana mahkamah" di sini, maksudnya termasuk Mahkamah Syariah. Oleh sebab itu, jikalau sesuatu ke-

putusan telahpun dibuat oleh Mahkamah Syariah maka keputusan Mahkamah Syariah itu akan dikuatkuasakan.

Tentang had umur dan sebagainya ada bab yang lain yang tidak termasuk dalam pindaan ini tetapi terdapat dalam Akta ibu dalam mana tidak kira berapakah umur seseorang anak itu, jikalau seseorang anak itu adalah seorang anak yang masih dalam tanggungan anggota tentera yang meninggal dan sebagainya, maka anak yang dalam tanggungannya itu akan mendapat hak yang sama.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah menyentuh tentang peluang-peluang yang patut diberikan kepada anggota-anggota bekas perajurit. Dalam hal ini memangnya Kementerian Pertahanan sendiri sanggup memberi peluang-peluang kontrek, perniagaan dan sebagainya kepada anggota-anggota bekas perajurit apabila terdapat susunan di kalangan anggota-anggota bekas perajurit yang sanggup ke hadapan bagi membekalkan barang-barang yang sesuai. Malangnya, sehingga ini segala usaha ke arah ini boleh dikatakan dijalankan oleh syarikat-syarikat yang tertentu yang dianggotai oleh beberapa orang yang tertentu yang merupakan bekas-bekas perajurit. Sehingga keadaan terdapat dalam mana bekas perajurit ataupun Persatuan Bekas Perajurit sendiri dapat mengadakan sesuatu badan bagi mengendalikan, maka Kementerian Pertahanan terpaksa menganggap sesuatu peluang yang hendak diambil oleh mana-mana anggota bekas perajurit itu, bekas perajurit itu adalah dianggap sama seperti anggota-anggota yang lain. Walau bagaimanapun, pihak saya telah berhubung rapat dengan Persatuan Bekas Perajurit dalam usaha menggalakkan bekas-bekas perajurit menyusun diri mereka dalam badan-badan yang tertentu ataupun Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sendiri di dalam rundingan saya ataupun Kementerian ini dengan ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan tersebut supaya kalau dapat mewujudkan suatu badan yang boleh mengendalikan perusahaannya perniagaan.

Menyentuh tentang Koperasi Tentera pula ada peluang-peluang yang tertentu yang telah diberi kepada Koperasi Tentera tetapi kita terpaksa berjaga-jaga supaya jangan pula timbul keadaan dalam mana kalau peluang itu diberi kepada Koperasi Tentera, anggotanya juga adalah anggota tentera, pihak yang

menilai juga adalah pihak tentera, jadi yang yang menilai mereka, yang membekal mereka. Oleh itu, pihak Kementerian berwaspada dalam hal ini dan segala langkah kita adalah ditentukan bagi mengelakkan sebarang tuduhan-tuduhan di belakang hari bahawa kita berat sebelah kepada golongan yang tertentu.

Kedua kita juga berkehendakkan kalau boleh kerjasama yang rapat dapat diwujudkan di antara Persatuan Bekas Perajurit yang menampung masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota bekas perajurit dengan Koperasi Tentera kita yang banyak ahlinya terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Tentera. Dengan adanya kerjasama yang rapat boleh diwujudkan itu maka nasib masa hadapan anggota Angkatan Tentera kita samada mereka masih berkhidmat ataupun setelah menjadi bekas perajurit adalah lebih terjamin.

Tentang teguran Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak dari segi perjalanan keagamaan seseorang itu, di sini apa yang berlaku ialah tiap-tiap anggota Angkatan Tentera dikehendaki menyatakan dengan terangnya ugama masing-masing. Jadi jika berlaku laporan tidak tepat ataupun kalau ada perubahan dan perubahan itu tidak dilaporkan kepada pihak berkenaan, maka dalam keadaan inilah berlaku kekeliruan. seperti ini bukan sahaja berlaku tentang ugama, malah banyak berlaku tentang bilangan isteri, dalam mana kadangkala yang dilaporkan ataupun dalam pengetahuan Kementerian isterinya yang sah adalah seorang tetapi apabila perajurit itu atau anggota yang berkenaan itu meninggal, didapati ada isterinya yang kedua yang tampil ke hadapan untuk menuntut hak mereka pula. Jadi di sini tentang keagamaan dan siapa yang patut menuntut, isteri mana patut menuntut banyak terserah kepada kerjasama daripada anggota tentera yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menimbulkan supaya skim gaji baru dapat dibawa lebih awal lagi. Sebenarnya seperti yang saya telah terangkan tadi Rang Undang-undang ini tidak merupakan perbincangan terhadap skim gaji baru kerana skim gaji baru sebenarnya telah mula dilaksanakan pembayarannya mulai bulan Oktober, 1977. Jadi atas titik-berat Yang Berhormat Senator itu, saya mengucapkan terima kasih. Mungkin kesi-

lapan saya tadi dalam mana saya tidak menerangkan bahawa skim gaji baru telah dikuatkuasakan dan pembayarannya telah dibuat lebih awal lagi.

Tentang ganjaran \$10,000 kepada anggota tentera yang gugur itu tidak mencukupi, perlu saya tegaskan di sini bahawa ganjaran itu tidak merupakan satu gantirugi kepada nyawa yang telah terkorban. Hanya merupakan suatu usaha bagi membantu bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh mereka yang ditinggalkan oleh anggota-anggota yang berkenaan.

Saya setuju bahawa sungguhpun begitu mungkin \$10,000 itu tidak mencukupi. Ini benar jika seseorang anggota itu ataupun balu kepada seseorang anggota itu atau keluarganya tidak mendapat bantuan yang lain. Ganjaran \$10,000 itu adalah merupakan tambahan kepada pencen ataupun imbuhan-imbuhan lain yang biasa dibayar.

Yang Berhormat Senator Mahimon juga telah menimbulkan beberapa perkara dan saya mengucapkan terima kasih kepada beliau dan juga kepada Yang Berhormat Senator Zawiah tentang sokongannya kepada anggota-anggota tentera wanita kita. Saya akan sampaikan penghargaan ini kepada mereka. Dan dengan adanya sokongan daripada kedua Ahli Yang Berhormat itu selain daripada Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak atas sebab-sebab yang beliau lebih faham dan saya juga faham akan menyenangkan dan meringankan usaha Angkatan Tentera kita jika ada usaha hendak terus mengembangkan.

Pandangan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tentang imbangan di antara atau peranan anggota regular dan anggota simpanan, sungguhpun ini tidak diterangkan dengan begitu jelas, pada masa ke semasa secara umum memang inilah langkah yang sedang diikuti oleh Kementerian Pertahanan, sungguhpun ada pembesaran anggota tentera yang berupa regular. Pembesaran Angkatan Tentera Tetap kita merupakan pembesaran yang diperlukan mengikut keadaan jangka masa sekarang. Sebaliknya langkah-langkah untuk membesarkan pasukan simpanan kita juga sedang buat, umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini bilangan askar wataniah yang akan ditubuhkan adalah sebanyak 9 batalion. Dan ini merupakan anggota-anggota simpanan kita dan ini akan

dikaji daripada masa ke semasa malah kajian ini juga sedang dibuat dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pandangan-pandangan yang sempat saya jawab; tentang perkara-perkara yang lain yang tidak sempat ataupun tidak dapat saya jawab, penerangan-penerangan telah pernah dikeluarkan pada masa yang telah sudah di tempat ataupun di masa-masa yang lain. Walau bagaimanapun, segala teguran dan pandangan-pandangan yang lain itu dalam catitan dan ingatan kita untuk dipertimbangkan apabila kita membuat sesuatu keputusan dalam Angkatan Tentera.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6—

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Fasal 3.

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan tadi bahawa ada peruntukan dalam Akta ibu yang mengatakan takrif anak yang belum dewasa itu agaknya termasuk anak yang dalam tanggungan. Saya suka mendapat penjelasan ini di bawah seksyen apakah takrif itu, kerana apa yang dikira minor child itu adalah seseorang yang di bawah daripada umur 18 tahun, tidak termasuk dependant. Kalau dependant itu mungkin lebih daripada umur 18 tahun. Tetapi saya suka kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan sedikit penjelasan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, maksud saya tadi bukannya takrif ini termasuk tetapi jikalau terdapat seseorang anak, umpamanya di sini menghadkan umur anak itu pada minor, tetapi jikalau terdapat seseorang anak yang umurnya yang lebih daripada apa yang ditakrifkan sebagai minor di sini, ianya pun berhak kerana beliau

dianggap sebagai seorang dependant, umpamanya, seorang anak yang cacat ataupun oleh sebab-sebab yang lain masih lagi ditanggung oleh ayahnya. Jadi anak yang berkenaan itu berhak atas definasi pada Akta sebagai dependant, itu maksud saya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, inilah perkara yang ditimbulkan oleh saya dan juga Yang Berhormat sahabat saya Tuan Haji Mohamoud Salim bin Mohamad, kerana di sini dia telah dengan jelasnya mengatakan orang yang berkaitan di dalam fasal ini ialah isteri, bekas isteri, anak yang belum dewasa samada sahtaraf (legitimate) atau tidak. Yang tertinggal ini orang yang dependant yang dimaksudkan, itulah sebab saya minta supaya mungkin pindaan dibawa pada satu masa supaya masukkan dependant. Jadi, bolehlah orang-orang yang terlibat terutamanya orang-orang yang beragama Islam terlibat, umpamanya, mereka yang lebih daripada 18 tahun tetapi mereka itu menjadi tanggungjawab boleh dimasukkan, kalau tidak, saya khuatir tidak ada mahkamah-mahkamah yang boleh menafsirkan benda yang demikian. Itulah sebab saya timbulkan tadi.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Fasal 3 (b). Saya cuma menyampaikan pandangan dan harapan ibubapa di kampung-kampung yang mempunyai anak menjadi anggota tentera yang mempunyai isteri tetapi tidak lagi ada mempunyai anak dalam kelamin mereka. Jadi apabila berlaku sesuatu kemalangan, katakanlah, ajal menimpa si anak tadi, waris yang dituliskan cuma isteri sahaja, ini juga berlaku dalam perkara EPF maka ibubapa mereka tidak mempunyai hak atas ganjaran si anaknya yang telah meninggal sedangkan anak yang masuk tentera yang meninggal itu cuma mempunyai hanya isteri sahaja. Inilah saya mohon Kerajaan menimbangkan pada masa akan datang satu definasi ataupun kehendak-kehendak yang sesuai dengan kehendak agama kita supaya bapa ataupun waris yang lebih kadim mempunyai hak daripada ganjaran itu. Jadi, saya membawa perkara ini, ialah kerana ahli tentera kita kebanyakannya Muslim. Jadi, patutlah cara kemusliman ini juga dikehendaki ada dalam timbangan mahkamah apabila memutuskan sesuatu. Terima kasih.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, mengikut semangat pindaan ini, saya percaya tidak ada perbezaan di antara tujuan dan apa yang ditegur oleh Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin dan juga yang lain-lain. Jikalau ada terdapat kesulitan setelah dikaji semula seperti yang terdapat dalam pindaan ini ada percanggah maka langkah berikutan akan dibuat bagi menjamin bahawa dependant yang dimaksudkan seperti anak itu tidak akan terkeluar daripada yang ada ini.

Tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain, dalam mana seseorang bapa ataupun seseorang anggota hanya kahwin tetapi belum mempunyai seorang anak dan kadang-kala terdapat kalau keadaan dalam mana anggota yang berkenaan itu meninggal dan pencen ataupun ganjaran itu hanya pergi kepada isteri dan tidak kepada ibubapa. Dalam keadaan seperti ini berlaku bolehlah juga berlaku dalam mana dengan adanya rundingan dengan pihak Kementerian pada masa-masa yang telah sudah pembahagian di antara si isteri ataupun balu

pada bapa telah dapat disusun. Suka saya tegaskan di sini hingga ada sesuatu keputusan oleh badan-badan yang lain yang berkenaan yang bertanggungjawab memutuskan samada pencen itu merupakan satu pusaka yang mesti diberi mengikut hukum Islam, apa yang dapat dibuat oleh Kementerian ini ialah cara rundingan dan mana yang boleh seperti saya sebutkan tadi melalui rundingan dapat dibahagikan imbuhan di antara bapa ataupun ibu dengan isteri. Jadi dalam pindaan ini masih terhad pada keadaan yang ada itu.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.17 petang.

**Volume III
No. 1**



**Tuesday
14th June, 1966**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

PRESENTATION OF MACE TO THE SENATE [Col. 5]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1966

Harga: 50 sen

**PARLIAMENTARY
DEBATES**

DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA

VOLUME III

SESSION 1966-1967